




DR 3 TAHUN 2016
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

- KAWALAN PENGURUSAN TADBIR URUS
1 MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)
- KEMENTERIAN KEWANGAN
- 1 MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)

7 APRIL 2016



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS

KAWALAN PENGURUSAN TADBIR URUS
1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)

KEMENTERIAN KEWANGAN
1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)

ISI KANDUNGAN

1) PENDAHULUAN	(muka surat 1)
2) OBJEKTIF PERBINCANGAN	(muka surat 2)
3) SKOP DAN METODOLOGI	(muka surat 2)
4) LATAR BELAKANG SYARIKAT	(muka surat 4)
5) HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN	(muka surat 8)
5.1 Latar Belakang Penubuhan Awal 1MDB	(muka surat 8)
5.1.1 Terengganu Investment Authority (TIA)	
5.1.2 Struktur Urus Tadbir dan Organisasi Kumpulan 1MDB	
5.2 Pelaburan Awal oleh 1MDB	(muka surat 17)
5.2.1 Pelaburan Dalam PetroSaudi International Ltd	
5.2.2 Usaha Sama antara 1MDB dan PetroSaudi (Cayman) Ltd 1MDB PetroSaudi Limited	
5.3 Kedudukan Kewangan Kumpulan 1MDB	(muka surat 34)
5.3.1 Kedudukan kewangan 2010-2014 oleh 1MDB	(muka surat 34)
5.3.2 Kedudukan Aset 1MDB	(muka surat 36)
5.3.2.1 Aset Dalam Pelaburan Portfolio Dana dan SPC	
5.3.2.2 Aset Dalam Pelaburan Hartanah	
5.3.2.3 Aset Dalam Pelaburan Sektor Tenaga	
5.3.2.4 Pelbagai Aset Lain Milik 1MDB	
5.3.3 Kedudukan Pinjaman 1MDB	(muka surat 40)
Pinjaman Portfolio	
Pinjaman Hartanah	
Pinjaman Sektor Tenaga	
5.3.4 Jaminan dan Sokongan Kerajaan Persekutuan Sebelum 2016	(muka surat 48)
5.3.4.1 Jaminan Kerajaan Kepada 1MDB	
5.3.4.2 Jaminan Kerajaan Dalam Bentuk Surat Sokongan (<i>Letter of Support</i>)	
5.3.4.3 Pendedahan Risiko Kerajaan Persekutuan Dalam 1MDB	
5.3.5 Semakan Penyata Kewangan 2010-2014	(muka surat 57)
5.3.5.1 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2010	
5.3.5.2 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2011	
5.3.5.3 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2012	
5.3.5.4 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2013	
5.3.5.5 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2014	

5.3.6	Pelantikan dan Penamatan Juruaudit	(muka surat 66)
5.3.6.1	Tetuan Ernst & Young (EY)	
5.3.6.2	Tetuan KPMG	
5.3.6.3	Tetuan Deloitte	
5.3.7	Kegagalan Penyenaraian Awal Awam (IPO) Edra Global Energy Bhd (Edra)	(muka surat 71)
6)	PELAN RASIONALISASI 1MDB	(muka surat 75)
7)	TADBIR URUS KORPORAT DAN KAWALAN DALAMAN	(muka surat 82)
7.1	Pelaksanaan Tadbir Urus Kumpulan 1MDB	
7.1.1	Keputusan Pelaburan Penting Melalui Resolusi Bertulis	
7.2	Pelaburan Dibuat Tanpa Kajian Menyeluruh	
7.3	Tindakan Pihak Pengurusan Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah	
8)	RUMUSAN DAN CADANGAN	(muka surat 103)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
BERHUBUNG KAWALAN PENGURUSAN TADBIR URUS
1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) menjadi tumpuan masyarakat dalam dan antarabangsa dengan pelbagai laporan negatif terhadap syarikat ini dilaporkan dengan meluas oleh media terhadap operasi dan kedudukan kewangan syarikat ini.
- 1.2 Berikutan itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menghantar surat kepada Jabatan Audit Negara (JAN) bertarikh 27 Februari 2015. Dalam surat berkenaan, PAC meminta JAN melaksanakan pengauditan terhadap 1MDB dengan memberi tumpuan kepada lima (5) aspek seperti berikut:-
- a. Sumber dana kewangan berjumlah RM2 bilion yang diperoleh 1MDB dalam menjelaskan pinjamannya terhadap beberapa bank tempatan;
 - b. Suntikan dana kewangan baru daripada Kementerian Kewangan (MoF) berjumlah RM3 bilion;
 - c. Perjanjian pelaburan 1MDB dalam syarikat PetroSaudi;
 - d. Wang hasil pelaburan 1MDB di Cayman Islands sama ada sudah dibawa balik ke Malaysia; dan
 - e. Perubahan firma audit antarabangsa untuk meluluskan akaun 1MDB.
- 1.3 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mac 2015 telah memutuskan supaya JAN menentusahkan (*verify*) akaun syarikat 1MDB dan laporan berkenaan

hendaklah diserahkan kepada PAC. Berikutan itu, JAN menjalankan pengauditan terhadap syarikat 1MDB bermula pada 10 Mac 2015.

- 1.4 PAC memulakan prosiding terhadap syarikat 1MDB di bawah tajuk Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB pada 19 Mei 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC telah memanggil Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham syarikat 1MDB di hadapan Jawatankuasa ini bagi menilai prestasi kewangan dan aktiviti Kumpulan Syarikat 1MDB sejak awal penubuhannya hingga sekarang dalam memastikan sama ada ia menepati objektif asal penubuhan syarikat ini.

3. SKOP DAN METODOLOGI

- 3.1 Skop prosiding PAC meliputi pengurusan urus tadbir dan aktiviti pelaburan yang dilaksana oleh 1MDB, bermula daripada ianya ditubuhkan pada tahun 2009 sehingga kini. Prosiding diadakan dengan pihak yang terlibat iaitu Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi Syarikat 1MDB, bekas Lembaga Pengarah dan bekas Pengurusan Tertinggi Syarikat 1MDB selain dua Juruaudit syarikat 1MDB iaitu Deloitte Malaysia dan KPMG.

3.2 PAC menjalankan sepuluh (10) kali prosiding di bawah tajuk Pengurusan Kawalan Urus Tadbir 1MDB dengan memanggil:-

- i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi untuk memberi taklimat dan penjelasan pada 19 Mei 2015;
- ii. Kementerian Kewangan dan Deloitte Malaysia untuk memberi penjelasan pada 10 Jun 2015;
- iii. Kementerian Kewangan dan KPMG untuk memberi penjelasan pada 17 Jun 2015;
- iv. Kementerian Kewangan dan YBhg. Datuk Shahrol Azral Ibrahim Hilmi (mantan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB) untuk memberi taklimat dan penjelasan pada 25 dan 30 November 2015;
- v. Kementerian Kewangan dan YBhg. Encik Arul Kanda Kandasamy (Ketua Eksekutif 1MDB) untuk memberi taklimat dan penjelasan pada 1 dan 18 Disember 2015;
- vi. Kementerian Kewangan dan YBhg. Tan Sri Datoq Seri Lodin Wok Kamaruddin (Pengerusi 1MDB) untuk memberi penjelasan pada 19 dan 20 Januari 2016;
- vii. Kementerian Kewangan, YBhg. Tan Sri Bakke Mohd Salleh (mantan Pengerusi 1MDB) dan YBhg. Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi (mantan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB) untuk memberi penjelasan pada 11 Februari 2016.

3.3 PAC juga menerima pembentangan pengauditan syarikat 1MDB yang dijalankan JAN selaras dengan arahan Jemaah Menteri pada 4 Mac 2015 iaitu:-

- a) Pembentangan Laporan Interim Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan Syarikat 1MDB pada 9 dan 10 Julai 2015 dengan laporan hasil pengauditan yang dijalankan JAN antara 10 Mac 2015 hingga 15 Jun 2015. Laporan Interim ini terhad kepada membincangkan mengenai analisis penyata kewangan dan pelaburan dalam syarikat usaha dengan PetroSaudi, langganan nota murabahah dan *Segregated Portfolio Company (SPC)*.
- b) Pada 4 dan 7 Mac 2016, JAN kemudian membentangkan Laporan Pengauditan 1MDB kepada PAC yang mengandungi analisis penyata kewangan dan kedudukan kewangan Kumpulan 1MDB sehingga tahun kewangan berakhir 2014 serta prestasi pelaburannya dalam ekuiti, nota murabahah, dana portfolio, Kumpulan SRC, sektor hartanah dan sektor tenaga. Laporan Akhir itu juga mengambil kira isu yang telah dilaporkan dalam Laporan Interim dan telah dikemas kini berpandukan dokumen yang diterima sehingga 31 Oktober 2015.

4. LATAR BELAKANG SYARIKAT

4.1 Penubuhan syarikat 1MDB sebagai sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) mempunyai kaitan secara langsung dengan Terengganu Investment Authority Berhad (TIA) yang ditubuhkan Menteri Besar Terengganu Diperbadankan (MBI Terengganu) pada 27 Februari 2009.

- 4.2 Tujuan asal penubuhan TIA adalah untuk mewujudkan dana kekayaan negara (Sovereign Wealth Fund) dengan dana permulaan berjumlah RM11 bilion. Dana berkenaan akan diperoleh daripada pendapatan royalti minyak tertunggak sejumlah RM6 bilion dan dana daripada terbitan bon di pasaran kewangan tempatan serta luar negara dengan cadangan Kerajaan Persekutuan menyediakan sejumlah RM5 bilion berdasarkan pendapatan minyak masa depan Terengganu.
- 4.3 Pada 1 April 2009, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan permohonan TIA supaya Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada TIA untuk meminjam sehingga RM5 bilion daripada pasaran kewangan tempatan dan luar negara melalui Islamic Medium Term Notes (IMTN) untuk pelaburan. Jaminan yang dikeluarkan adalah selaras dengan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 yang meliputi bayaran balik prinsipal dan faedah untuk tempoh 30 tahun.
- 4.4 Berikutan itu pada 15 Mei 2009, satu perjanjian program ditandatangani antara TIA dan AmlInvestment Bank Berhad untuk urusan terbitan IMTN berjumlah RM5 bilion. Walau bagaimanapun, perjanjian ini mendapat bantahan daripada MBI Terengganu.
- 4.5 Kerajaan Persekutuan kemudian memutuskan untuk mengambil alih TIA dan proses pengambilalihan berkenaan berjaya disempurnakan pada 31 Julai 2009 dan nama TIA ditukar kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 25 September 2009.
- 4.6 Bermula daripada 25 September 2009 itu juga hala tuju 1MDB ditukar daripada tujuan sebagai sebuah dana kekayaan negara di bawah TIA kepada sebuah syarikat pembangunan strategik yang menjadi milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1bilion dan modal berbayar berjumlah RM1,000,002.

4.7 1MDB menggariskan visi untuk menjadi pemangkin strategik bagi membantu membawa idea dan sumber pertumbuhan baru serta meningkatkan daya saing negara dalam bidang ekonomi terutamanya dalam persekitaran global.

1MDB diberikan mandat utama antaranya adalah:-

- a) Melabur dalam projek yang boleh membantu memacu inisiatif strategik untuk pembangunan mampan jangka panjang dan menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing ke dalam negara;
- b) Menggunakan rangkaian *sovereign wealth fund* (dana kekayaan negara) yang sedia ada di Timur Tengah dan China bagi membawa masuk pelaburan langsung asing yang berpadanan untuk projek-projek negara; dan
- c) Menggunakan rangkaian pelaburan luar negara serta hubungan baik antara negara dalam meningkatkan pelaburan strategik asing ke negara ini.
- d) Hubungan baik dua buah negara dimanfaatkan untuk pelaburan bagi mengeratkan pelaburan antara dua buah negara dan kepentingan dua hala daripada segi sosial dan ekonomi, misalnya bagi negara Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).
- e) Ini terbukti apabila IPIC kepunyaan syarikat pelaburan Kerajaan Abu Dhabi bersetuju menjamin kepada bon USD3.5 bilion 1MDB dan juga telah pun memberi pinjaman pendahuluan kepada 1MDB sebanyak USD1 bilion.

4.8 Sejak penubuhannya 1MDB telah terlibat dalam pelaburan antaranya seperti berikut:

- a) Usaha sama dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd;
- b) Pelaburan dalam Segregated Portfolio Company (SPC) di Cayman Islands;
- c) Pelaburan dalam sektor hartanah; dan
- d) Pelaburan dalam sektor tenaga.

5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN

5.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN AWAL 1MDB

5.1.1 Terengganu Investment Aumalaysiathority Berhad (TIA)

Terengganu Investment Authority Berhad (TIA) diperbadankan pada 27 Februari 2009 di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Terengganu yang menyokong idea penubuhannya sebagai *state sovereign wealth fund* dengan dana permulaan sejumlah RM11 bilion. Dana tersebut akan diperoleh daripada terbitan bon di pasaran kewangan tempatan dan luar negara dengan cadangan Kerajaan Persekutuan menyediakan jaminan sejumlah RM5 bilion bersandarkan pendapatan minyak masa depan Terengganu. Dana ini dijangka diperoleh daripada pendapatan royalti minyak tertunggak sejumlah RM6 bilion dan penerbitan *Islamic Medium Term Notes (IMTN)* sejumlah RM5 bilion.

Penerbitan *Islamic Medium Term Notes (IMTN)*

Pada 25 Mac 2009, resolusi Lembaga Pengarah TIA telah memberi kuasa kepada Encik Shahrol Azral Ibrahim Halmi (Ketua Pegawai Eksekutif TIA) untuk mengesahkan pelantikan AmInvestment Bank Berhad (AmBank) sebagai *lead arranger and/or lead manager and primary subscriber* untuk cadangan terbitan RM5 bilion IMTN dan mengadakan rundingan berhubung terma pelantikan AmBank, untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah TIA.

Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah TIA pada 15 April 2009 telah bersetuju dengan cadangan menerbitkan bon patuh syariah IMTN berjumlah RM5 bilion dengan tempoh 30 tahun bagi mendapatkan dana untuk pelaburan am dan modal kerja. Lembaga Pengarah TIA juga bersetuju tiada keperluan untuk mewujudkan *Due Diligence Working Group* dan menyediakan *Due Diligence Planning Memorandum* kerana maklumat berhubung IMTN tidak perlu

dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti sebelum ditawarkan kepada bakal pelabur. Ini adalah kerana bon tersebut mendapat jaminan kerajaan.

Menteri Besar Terengganu melalui surat bertarikh 13 Mei 2009 kepada YAB Menteri Kewangan menyatakan sokongan Kerajaan Negeri bagi terbitan IMTN berjumlah RM5 bilion oleh TIA dengan terma-terma tertentu.

Pada 15 Mei 2009, perjanjian program ditandatangani antara TIA (issuer) dan AmBank sebagai *lead arranger, lead manager and facility agent*. Pada tarikh yang sama, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan jaminan Kerajaan untuk terbitan IMTN berjumlah RM5 bilion.

Bagaimanapun, tindakan menandatangani perjanjian program dan pengeluaran jaminan kerajaan tanpa mengikut terma dan perancangan Menteri Besar Terengganu Diperbadankan (MBI Terengganu) sebagai pemegang saham TIA telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan mendapat bantahan daripada MBI Terengganu. Sehubungan itu, selaras dengan Artikel 94 dalam Artikel Penubuhan Syarikat, Lembaga Pengarah TIA meluluskan tiga resolusi bertarikh 22 Mei 2009, yang mengarahkan penggantungan terbitan IMTN sehingga struktur tadbir urus korporat dan amalan terbaik telah diwujudkan termasuk penubuhan Lembaga Penasihat dan Panel Pelaburan syarikat serta melantik Lembaga Pengarah yang mewakili semua pemegang saham khas. Lembaga Pengarah TIA pada masa tersebut ialah YAM Tengku Rahimah Puteri Almarhum Sultan Mahmud, Datuk Ismee Ismail dan Encik Shahrol Azral.

Lembaga Pengarah TIA melalui resolusi bertarikh 22 Mei 2009 itu juga telah memutuskan supaya Encik Shahrol Azral mengambil tindakan serta merta *on urgent basis* untuk memaklumkan kepada penasihat

terbitan IMTN serta memastikan tiada terbitan IMTN dibuat. Lembaga Pengarah TIA turut memutuskan untuk menggantung kuasa yang diberikan kepada Encik Shahrol Azral atau mana-mana pengarah lain berkaitan dengan urusan terbitan IMTN. Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat TIA telah menandatangani Perjanjian Langganan dengan AmBank pada 25 Mei 2009, iaitu tiga hari selepas resolusi Lembaga Pengarah TIA yang mengarahkan penangguhan terbitan IMTN dan sebarang urusan berkaitan dengan program IMTN. Tindakan Ketua Pegawai Eksekutif TIA ini adalah bertentangan dengan arahan Lembaga Pengarah TIA.

Pada 26 Mei 2009, perjanjian aqad bagi penjualan aset oleh Amlslamic Bank Berhad kepada TIA telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif TIA. Pada tarikh sama, Perjanjian Pembelian Murabahah berjumlah RM4.396 bilion dan Perjanjian Penjualan Murabahah berjumlah RM13.625 bilion juga telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Tindakan Encik Shahrol Azral sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TIA meneruskan urusan berkaitan IMTN telah menyebabkan beliau digugurkan sebagai pengarah syarikat sepertimana yang diputuskan dalam resolusi pemegang saham TIA bertarikh 27 Mei 2009 selaras dengan Seksyen 152A Akta Syarikat 1965. Tindakan ini juga selaras dengan Artikel 73 dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat yang membenarkan penguguran mana-mana pengarah melalui resolusi bertulis. Tindakan tersebut disokong dengan surat MBI Terengganu bertarikh 29 Mei 2009 kepada YAB Menteri Kewangan. MBI Terengganu telah membangkitkan kelemahan yang serius dan menyatakan pendirian yang tidak bersetuju dengan kaedah terbitan IMTN yang tidak mengikut terma dan perancangan MBI Terengganu. Wakil MB Terengganu dalam Lembaga Pengarah TIA, YAM Tengku Rahimah Puteri turut meletak jawatan sebagai Pengarah TIA pada 27 Mei 2009. Setelah peletakan jawatan ini, pada tarikh yang sama, satu

resolusi Lembaga Pengarah TIA ditandatangani oleh Datuk Ismee dan Encik Shahrol Azral untuk meneruskan terbitan IMTN dan melantik semula Encik Shahrol Azral sebagai Pengarah TIA.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati Encik Shahrol Azral telah melanggar arahan pemegang saham supaya tidak meneruskan penerbitan IMTN. Encik Shahrol Azral juga telah melakukan kesalahan dengan menandatangani perjanjian tanpa apa-apa kuasa yang diberikan oleh lembaga pengarah.

PAC juga dimaklumkan oleh Encik Shahrol Azral, beliau tidak mengikut arahan untuk menghentikan penerbitan bon IMTN RM5 bilion dan tidak mengikut arahan Lembaga Pengarah itu kerana kuasa sebenarnya terletak kepada pemegang saham mengikut Seksyen 117 dalam Artikel Penubuhan TIA Berhad.

Namun demikian PAC dan JAN tidak menerima apa-apa dokumen untuk membuktikan bahawa Seksyen 117 sudah ada dalam Artikel Penubuhan TIA Berhad pada ketika itu.

PAC juga dalam prosidingnya mendapati Encik Shahrol memberi alasan yang berbeza-beza berhubung dengan penerbitan bon IMTN RM5 bilion iaitu:

- i) Dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, beliau menyatakan penerbitan bon diteruskan adalah disebabkan perjanjian dengan AMBank *on bought deal basis* yang tidak boleh dihentikan. Tetapi dalam keterangannya dengan JAN serta PAC, beliau memberikan alasan ~~the train has left the station~~ dan penerbitan bon tidak boleh dihentikan

Pada 29 Mei 2009, TIA menerima terbitan bersih IMTN sejumlah RM4.385 bilion daripada nilai penuh RM5 bilion. Ini adalah kerana IMTN diterbitkan pada harga RM87.92 bagi setiap RM100 nilai nominal, iaitu dengan kadar diskaun sebanyak 12.08%. Lembaga Pengarah TIA semasa mesyuarat pada 20 Ogos 2009 dimaklumkan bon ini diterbitkan pada kadar diskaun sedemikian berdasarkan saranan AmBank sebagai *lead arranger* untuk memastikan terbitan IMTN mendapat langganan penuh. Di samping itu, kadar faedah yang dikenakan ialah sebanyak 5.75% setahun dengan kadar pulangan efektif sebanyak 6.68% setahun.

Semakan JAN mendapati jumlah kos terbitan IMTN sehingga tempoh matang adalah berjumlah RM13.625 bilion yang merangkumi RM5 bilion untuk bayaran prinsipal (perlu dibayar sekaligus pada tahun 2039) dan RM8.625 bilion untuk bayaran keuntungan kepada pemegang bon IMTN sepanjang tempoh 30 tahun. Kos transaksi berjumlah RM11.25 juta telah dibayar kepada AmBank sebagai *arranger fee*. Selain itu, *trustee fee* dan *agency fee* berjumlah RM7.14 juta juga perlu dibayar, iaitu pada kadar RM238,000 setahun selama 30 tahun.

MBI Terengganu juga telah menulis surat amaran bertarikh 29 Mei 2009 kepada AmBank yang didakwa terlibat dalam salah laku dan ketidakakuran semasa terbitan IMTN.

Jemaah Menteri telah dimaklumkan pada 3 Jun 2009 bahawa DYMM Sultan Terengganu telah meminta laporan disediakan mengenai *Unauthorized Issuance of IMTN by TIA* dan *Report of Managing Oil Royalty of the state of Terengganu as a Sovereign Wealth Fund with the Best Corporate Governance Practice and Transparency*.

Semasa mesyuarat pada 30 Jun 2009 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Encik Shahrol Azral menjelaskan surat

arahan daripada Kerajaan Negeri Terengganu (surat bertarikh 27 Mei 2009 mengarahkan penerbitan IMTN ditangguhkan), hanya diterima selepas proses pemasaran yang bermula seminggu lebih awal, dan langganan ditutup pada 29 Mei 2009. Penerbitan IMTN diteruskan memandangkan tempoh arahan yang singkat serta menjaga kredibiliti TIA sekiranya terbitan tersebut ditangguhkan. Manakala semasa temubual JAN dengan Datuk Shahrol Azral pada Jun 2015, mantan Ketua Pegawai Eksekutif itu mengakui terbitan bon IMTN terpaksa diteruskan kerana perjanjian program yang ditandatangani pada 15 Mei 2009 merupakan satu *bought deal* di mana AmBank sebagai *lead arranger* dan *primary subscriber* telah mendapat langganan pasaran sekunder bagi terbitan bon tersebut.

Walau bagaimanapun PAC mendapati resolusi mesyuarat Lembaga Pengarah 22 Mei 2009 telah membuat keputusan pengantungan Lembaga Pengarah TIA melalui resolusi bertarikh 22 Mei 2009 itu juga telah memutuskan supaya Encik Shahrol Azral mengambil tindakan serta merta *on urgent basis* untuk memaklumkan kepada penasihat terbitan IMTN serta memastikan tiada terbitan IMTN dibuat. Lembaga Pengarah TIA turut memutuskan untuk menggantung kuasa yang diberikan kepada Encik Shahrol Azral atau mana-mana pengarah lain berkaitan dengan urusan terbitan IMTN.

Semakan JAN mendapati semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2009, Encik Shahrol memaklumkan terbitan IMTN disegerakan atas permintaan penasihat khas TIA dengan tujuan untuk membangunkan Pulau Bidong dengan kerjasama syarikat Mubadala pada tahun 2009. Pihak AmBank (yang turut hadir dalam mesyuarat) juga telah mengesahkan penasihat khas TIA telah meminta terbitan bon disegerakan. Namun demikian, melalui kenyataan akhbar pada 23 Mei 2009, pihak Mubadala menafikan penglibatannya di Malaysia selain daripada projek di Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor.

Semakan JAN mendapati penasihat-penasihat khas TIA yang dilantik pada 8 April 2009 ialah DatoqAbdul Aziz bin Mohd Akhir dan Encik Low Taek Jho.

5.1.2 Struktur Tadbir Urus dan Organisasi Kumpulan 1MDB

Berdasarkan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A) 1MDB, struktur tadbir urus 1MDB dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Lembaga Penasihat, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi. Lembaga Penasihat bertanggungjawab memberikan bimbingan dan nasihat pelaburan serta perniagaan. Artikel 117 dalam M&A telah menggariskan beberapa keputusan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada YAB Perdana Menteri yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- a. Sebarang perubahan terhadap M&A syarikat, sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagiannya;
- b. Sebarang pelantikan dan penamatan mana-mana pengarah (termasuk Pengarah Urusan dan Pengarah Alternatif) serta Pengurusan Tertinggi Syarikat; dan
- c. Sebarang komitmen kewangan (termasuk pelaburan), penstrukturan semula atau perkara berkaitan jaminan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk kepentingan syarikat, kepentingan negara, keselamatan negara atau sebarang polisi Kerajaan Persekutuan Malaysia. Atas tujuan ini, penentuan maksud ~~kepentingan~~ ~~keselamatan~~ ~~negara~~ ~~dan~~ ~~polisi~~ Kerajaan Persekutuan Malaysia ~~hendaklah~~ dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Kedudukan keanggotaan Lembaga Penasihat, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi 1MDB pada 31 Oktober 2015 serta senarai Ahli Lembaga Pengarah dari tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti jadual-jadual berikut:

JADUAL 1

SENARAI LEMBAGA PENASIHAT 1MDB PADA BULAN OKTOBER 2015

NAMA	JAWATAN
YAB DatoqSri Mohd Najib Tun Abdul Razak	Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia (Pengerusi)
Sheikh Hamad bin Jassim Bin Jabr Al-Thani	Mantan Perdana Menteri dan Menteri Luar Qatar (Penasihat Khas)
Tan Sri Mohd Sidek Hassan	Pengerusi Petronas
Tan Sri DatoqNor Mohamed Yakcop	Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Berhad
Tan Sri Dr. Ali Hamsa	Ketua Setiausaha Negara
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Khaldoon Khalifa Al Mubarak	Pengerusi Lembaga Hal Ehwal Eksekutif Abu Dhabi; dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan, Mubadala Development Company
Chang Zhenming	Pengerusi dan Presiden, CITIC Group China

Sumber: Laman Web 1MDB

JADUAL 2

SENARAI LEMBAGA PENGARAH 1MDB PADA BULAN OKTOBER 2015

NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
Tan Sri DatoqSeri Che Lodin Wok Kamaruddin	Pengerusi	20 Oktober 2009
	Pengarah Bukan Eksekutif	11 Ogos 2009
Tan Sri DatoqPaduka Ismee Ismail	Pengarah Bukan Eksekutif	23 Mac 2009*
Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi	Pengarah Bukan Eksekutif	23 Mac 2009*
Tan Sri DatoqOng Gim Huat	Pengarah Bukan Eksekutif	12 Januari 2010
Ashvin Jethanand Valiram	Pengarah Bukan Eksekutif	2 Februari 2010
Arul Kanda Kandasamy	Presiden dan Pengarah Eksekutif	5 Januari 2015

Sumber: Laman Web 1MDB

Nota: (*) Lantikan Atas Nama TIA (TIA Ditukar Nama Kepada 1MDB Pada 25 September 2009)

JADUAL 3

SENARAI PENGURUSAN TERTINGGI 1MDB PADA BULAN OKTOBER 2015

NAMA	JAWATAN
Arul Kanda Kandasamy	Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan
Azmi Tahir	Ketua Pegawai Kewangan
Ivan Chen	<i>General Counsel</i>
Vincent Koh Beng Huat	Ketua Pegawai Pelaburan
Badrul Hisham Abdul Karim	Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan
Terence Geh Choh Heng	Pengarah Eksekutif Kewangan

Sumber: Laman Web 1MDB

JADUAL 4

KEDUDUKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH 1MDB DARI TAHUN 2009 HINGGA 2014

NAMA	TAHUN KEWANGAN				
	31.3.2010	31.3.2011	31.3.2012	31.3.2013	31.3.2014
Tan Sri Mohd Bakke Bin Salleh* (dilantik pada 27.02.2009 dan 11.08.2009 dan letak jawatan pada 07.04.2009)**	✓	X	X	X	X
Tan Sri Azlan Bin Mohd Zainol* (dilantik pada 11.08.2009 dan letak jawatan pada 11.01.2010)	✓	X	X	X	X
Christopher Lee Sian Teik* (dilantik pada 27.02.2009 dan letak jawatan pada 23.03.2009)	✓	X	X	X	X
Datuk Sharul Azral Bin Ibrahim Hilmi* (dilantik pada 23.03.2009)	✓	✓	✓	✓	✓
Tan Sri Datoq Paduka Ismee Bin Haji Ismail* (dilantik pada 23.03.2009)	✓	✓	✓	✓	✓
Tan Sri Datoq Seri Che Lodin Bin Wok Kamaruddin* (dilantik pada 11.08.2009)	✓	✓	✓	✓	✓
Tan Sri Datoq Ong Gim Huat (dilantik pada 12.01.2010)	✓	✓	✓	✓	✓
Ashvind Jethanand Valiram (dilantik pada 02.02.2010)	✓	✓	✓	✓	✓
Mohd Hazem Bin Abd. Rahman (dilantik pada 15.03.2013 dan letak jawatan pada 01.01.2015)	X	X	X	✓	✓

Sumber: Dokumen 1MDB

Nota: (*) Lantikan Atas Nama TIA (TIA ditukar Nama Kepada 1MDB Pada 25 September 2009

(**) Telah Meletakkan Jawatan Dan Dilantik Semula

5.2 PELABURAN AWAL OLEH 1MDB

5.2.1 Pelaburan Dalam Petrosaudi International Ltd

Projek usaha sama ini bermula menerusi surat Prince Turki bertarikh 28 Ogos 2009 kepada YAB Perdana Menteri Malaysia (YAB PM) yang melampirkan bersama surat daripada Encik Tarek Obaid (Ketua Pegawai Eksekutif PetroSaudi International Ltd.) yang juga bertarikh 28 Ogos 2009 untuk memperkenalkan PetroSaudi International Ltd. kepada YAB PM. Surat tersebut kemudiannya dipanjangkan kepada pengurusan 1MDB untuk tindakan lanjut.

Surat Encik Tarek Obaid tersebut mengandungi cadangan pegangan saham 1MDB sebanyak 40% bernilai USD1 bilion ke dalam syarikat usaha sama antara 1MDB dan PetroSaudi International Ltd. Manakala Petrosaudi International Ltd. akan menyumbang aset dalam sektor tenaga bernilai USD2 bilion ke dalam syarikat usaha sama tersebut. Surat ini juga menyatakan PetroSaudi International Ltd. bersetuju untuk memberi diskaun penilaian *goodwill* menjadikan sumbangan asetnya dinilai pada USD1.50 bilion.

Cadangan menetapkan nisbah pegangan, penyaluran tunai berjumlah USD1 bilion, nilai aset dan diskaun *goodwill* aset belum dinilai seperti yang dinyatakan dalam surat Encik Tarek Obaid menunjukkan projek ini telah dirancang lebih awal. Bagaimanapun, semakan JAN mendapati tiada sebarang makluman mengenai surat PetroSaudi International Ltd. dan Prince Turki berhubung cadangan usaha sama ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat khas membincangkan pelaburan tersebut. Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB menyatakan nisbah aset tunai terhadap syarikat usaha sama belum lagi dimuktamadkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 18 September 2009. Sekiranya cadangan usaha sama telah dimuktamadkan dan dikenal pasti dari peringkat awal lagi, Lembaga Pengarah 1MDB sepatutnya

diberi penerangan secara terperinci oleh pihak pengurusan mengenai keputusan terhadap cadangan usaha sama ini, serta dimaklumkan tentang surat Prince Turki dan surat Encik Tarek Obaid semasa mesyuarat bertarikh 18 September 2009.

5.2.1.1 Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah 1MDB pada 18 September 2009

Kertas cadangan projek usaha sama di bawah Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi (yang disediakan oleh pegawai Bahagian Pelaburan, disemak oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan dan disokong serta diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB) telah dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat pada 18 September 2009. Tiga objektif utama projek usaha sama ini adalah untuk membuat pelaburan di luar dan dalam Malaysia; untuk menyokong pembangunan ekonomi jangka panjang di Malaysia; serta bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama antara Malaysia dan Arab Saudi.

Pada mesyuarat khas tersebut, Encik Casey Tang (Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan 1MDB) semasa memberikan taklimat berhubung projek usaha sama ini kepada Lembaga Pengarah meminta kerjasama semua pihak untuk memastikan perjanjian usaha sama ini dapat dimeterai pada tarikh yang dirancang, iaitu 28 September 2009. Penetapan tarikh yang terlalu singkat sepatutnya tidak berlaku kerana keputusan pelaburan ini melibatkan jumlah yang besar tetapi tiada projek khusus yang memerlukan pelaburan segera.

Lembaga Pengarah 1MDB telah dimaklumkan bahawa ini merupakan urusan antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi (G2G). Encik Casey Tang turut memaklumkan bahawa PetroSaudi International Ltd. adalah milik penuh Raja Abdullah dan Kerajaan Arab Saudi serta telah wujud sejak tahun 2000. Makluman

oleh Encik Casey ini turut diakui oleh beberapa ahli Lembaga Pengarah dan bekas Lembaga Pengarah 1MDB semasa temu bual pihak JAN bersama mereka pada bulan Jun 2015. Pihak JAN tidak dapat mengesahkan status sebenar pendaftaran syarikat ini sama ada PetroSaudi International Ltd. dimiliki oleh Raja Abdullah atau Kerajaan Arab Saudi. Semakan terhadap laman sesawang PetroSaudi International Ltd. mendapati syarikat ini hanya ditubuhkan pada tahun 2005, milik persendirian dan tiada kaitan pemilikan dengan Kerajaan Arab Saudi. Semakan JAN juga mendapati Encik Tarek Obaid merupakan pengarah tunggal kepada PetroSaudi International Ltd. berdasarkan dokumen *Written Resolution of the Sole Director of the Company*. Oleh itu, kenyataan yang dibuat oleh Encik Casey Tang didapati kurang tepat.

Pada 18 September 2009 juga, sebuah syarikat luar negara, iaitu PetroSaudi Holdings (Cayman) Limited telah mendaftarkan satu syarikat dengan nama 1MDB PetroSaudi Limited di British Virgin Island (BVI). Syarikat ini kemudiannya digunakan sebagai syarikat usaha sama antara 1MDB dan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Cadangan usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd. hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB buat pertama kali juga dalam mesyuarat pada 18 September 2009. Pendaftaran 1MDB PetroSaudi Ltd. (BVI) menunjukkan bahawa pihak pengurusan 1MDB telah memutuskan lebih awal untuk menjalinkan kerjasama bersama PetroSaudi International Ltd. dan Lembaga Pengarah 1MDB hanya dimaklumkan kemudian. Tiada rekod yang menunjukkan Lembaga Pengarah 1MDB telah dimaklumkan sama ada *special purpose vehicle*, iaitu 1MDB PetroSaudi Ltd. (BVI) sudah didaftarkan atau ditubuhkan.

Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat pada 18 September 2009 telah memutuskan supaya tiga pengarah dilantik dan dua daripadanya mempunyai kelayakan profesional sebagai wakil 1MDB

dalam syarikat usaha sama. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan cadangan tersebut telah dilaksanakan.

Lembaga Pengarah 1MDB mengarahkan pihak pengurusan untuk memastikan PetroSaudi International Ltd. menyumbangkan bahagian usaha samanya melalui 50% dalam bentuk wang tunai atau sekurang-kurangnya USD1 bilion dan 50% lagi dalam bentuk aset kepada syarikat usaha sama. Bagaimanapun, pihak pengurusan 1MDB tidak melaksanakan arahan Lembaga Pengarah sebaliknya telah melaksanakan cadangan Encik Tarek Obaid dalam surat bertarikh 28 Ogos 2009.

Lembaga Pengarah juga tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai PetroSaudi International Ltd. dan salah seorang ahli Lembaga Pengarah telah diarah untuk mendapatkan maklumat lanjut dan profil PetroSaudi International Ltd. Profil ini tidak dikemukakan dan telah dimaklumkan oleh pihak pengurusan bahawa maklumat sedang diperolehi. Bagaimanapun, berdasarkan temu bual JAN bersama ahli Lembaga Pengarah 1MDB, profil tersebut tidak pernah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sehingga perjanjian usaha sama ditandatangani. Perkara ini adalah di luar kebiasaan bagi perjanjian usaha sama yang melibatkan pelaburan tunai yang besar pada kadar segera.

Pada 18 September 2009, Lembaga Pengarah 1MDB telah meminta pihak pengurusan untuk berunding lebih lanjut dengan PetroSaudi International Ltd. dan menyelesaikan beberapa perkara penting sebelum memuktamadkan perjanjian seperti berikut:

- a. Membuat rundingan bersama PetroSaudi International Ltd. bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah 1MDB supaya mendapat terma-terma rundingan yang lebih baik. Perkara ini perlu dilaporkan semula kepada Lembaga Pengarah.

- b. Melantik Datoq Mohd Bakke dan Encik Shahrol Azral sebagai wakil korporat dalam setiap mesyuarat syarikat usaha sama setelah syarikat 1MDB didaftarkan sebagai pemegang saham syarikat usaha sama. Semakan JAN selanjutnya mendapati pelantikan Datoq Mohd Bakke telah digantikan dengan Encik Casey Tang.
- c. Cop mohor syarikat perlu dimeteraikan atas setiap dokumen yang berkaitan usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd.

Berdasarkan keterangan Tan Sri Bakke Mohd Salleh dalam prosiding PAC, beliau menyatakan Lembaga Pengarah menetapkan empat prinsip utama dalam usaha sama 1MDB dan PetroSaudi International Ltd iaitu:

- i) Pihak Pengurusan diarah untuk melaksanakan penilaian berkecuali kedua terhadap aset PetroSaudi
- ii) Lembaga Pengarah mahu *due diligence* dilaksanakan terhadap syarikat PetroSaudi bagi mengetahui lebih lanjut mengenai syarikat berkenaan.
- iii) Menubuhkan Lembaga Pengarah dalam syarikat usaha sama di mana 1MDB mempunyai tiga wakil dalam Lembaga Pengarah dan PetroSaudi juga mempunyai tiga wakil.
- iv) Dua daripada tiga wakil daripada 1MDB perlu mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam industri minyak dan gas.

5.2.1.2 Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah 1MDB pada 26 September 2009

Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah 1MDB telah diadakan pada 26 September 2009, iaitu dua hari sebelum projek usaha sama ditandatangani. Semasa mesyuarat ini, Lembaga Pengarah masih berbincang sama ada ingin meneruskan pelaburan dalam usaha sama ini.

Bagaimanapun, Lembaga Pengarah 1MDB telah meluluskan penyertaan dalam projek usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd. dengan langganan satu bilion saham biasa dalam 1MDB PetroSaudi Ltd. tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Melantik jurunilai profesional bebas untuk menilai aset syarikat usaha sama;
- b. Melantik tiga ahli mewakili 1MDB dalam Lembaga Pengarah syarikat usaha sama termasuk yang berpengalaman dalam sektor yang bersesuaian; dan
- c. Sebagai *wind up option*, satu pihak menawarkan saham kepada pemegang saham yang lain pada nilai pasaran yang saksama atau pada nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua kerajaan yang memiliki kepentingan dalam perjanjian.

Surat daripada jurunilai Edward L. Morse bertarikh 20 September 2009 memaklumkan kepada pengurusan 1MDB bahawa beliau akan dilantik oleh 1MDB dan 1MDB PetroSaudi Ltd. untuk melaksanakan penilaian bebas terhadap aset hidrokarbon milik PetroSaudi International Ltd. dan subsidiarinya. Bagaimanapun, sehingga mesyuarat pada 26 September 2009, Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan perkara ini.

Didapati perjanjian usaha sama menyatakan 1MDB layak melantik dua orang pengarah dalam komposisi Lembaga Pengarah Syarikat usaha sama. Ini menunjukkan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah 1MDB supaya melantik tiga ahli mewakili 1MDB dalam Lembaga Pengarah syarikat usaha sama tidak dipatuhi.

Seterusnya diperhatikan, Lembaga Pengarah 1MDB telah meluluskan penggunaan cop mohor (*common seal*) pada semua dokumen usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd. Ini

menunjukkan Lembaga Pengarah meluluskan penyertaan dalam projek usaha sama hanya dengan PetroSaudi International Ltd. dan bukannya dengan syarikat lain.

5.2.2 Usaha Sama Antara 1MDB dan PetroSaudi (Cayman) Ltd. – 1MDB PetroSaudi Limited

Pada 28 September 2009, perjanjian usaha sama telah ditandatangani antara 1MDB, PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. dan 1MDB PetroSaudi Ltd. di Kuala Lumpur. PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. dan 1MDB PetroSaudi Ltd. diwakili oleh Encik Tarek Obaid, manakala 1MDB diwakili oleh Encik Shahrol Azral. Majlis ini turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Prince Turki. Objektif syarikat usaha sama seperti dinyatakan dalam perjanjian usaha sama adalah:

- a. *“To seek, explore, enter into and participate in business and economic opportunities within and outside of Malaysia; and*
- b. *To enhance, strengthen and promote the future prosperity and economic development of Malaysia, to the extent that achievement of above-mentioned objectives would maximise the profits of the Company.”*

Mengikut perjanjian usaha sama ini, 1MDB akan melabur sejumlah tunai USD1 bilion (40% pegangan ekuiti) manakala PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. menyumbang dalam bentuk aset yang bernilai tidak kurang daripada USD1.50 bilion (60% pegangan ekuiti) dalam syarikat usaha sama ini.

Semakan JAN terhadap perjanjian usaha sama ini mendapati beberapa persoalan dan percanggahan maklumat dalam perjanjian tersebut. Syarikat usaha sama ini, iaitu 1MDB PetroSaudi Limited telah didaftarkan pada 18 September 2009 di British Virgin Island

oleh PetroSaudi Holdings (Cayman) Limited. Berdasarkan laporan carian Cayman Island Registry of Companies, didapati PetroSaudi Holdings (Cayman) Limited juga ditubuhkan pada 18 September 2009. Ini menunjukkan kedua-dua syarikat tersebut ditubuhkan pada tarikh yang sama.

Dalam perjanjian usaha sama ada klausa yang menyatakan 1MDB PetroSaudi Ltd. (yang ditubuhkan pada 18 September 2009) telah menerima pinjaman pendahuluan sejumlah USD700 juta pada 25 September 2009 daripada syarikat induknya, iaitu PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Pinjaman pendahuluan tersebut perlu dibayar balik sepenuhnya pada atau sebelum 30 September 2009. Kewujudan pinjaman pendahuluan berjumlah USD700 juta untuk tempoh lima hari ini menimbulkan persoalan. Semakan JAN mendapati tiada minit atau dokumen yang menunjukkan Lembaga Pengarah 1MDB dimaklumkan tentang pinjaman pendahuluan USD700 juta tersebut sebelum perjanjian usaha sama ditandatangani. Di samping itu, temu bual pihak JAN dengan Lembaga Pengarah 1MDB (mantan dan semasa) pada bulan Jun 2015 mendapati pinjaman pendahuluan tersebut tidak pernah dibentang atau dibincangkan oleh pihak pengurusan 1MDB sebelum projek usaha sama tersebut dimuktamadkan. Salinan perjanjian pinjaman USD700 juta antara 1MDB PetroSaudi Limited dan PetroSaudi Holdings (Cayman) Limited yang ditandatangani oleh Encik Tarek Obaid mewakili kedua-dua syarikat tersebut telah dikemukakan oleh pengurusan 1MDB tetapi pihak JAN tidak dapat mengesahkannya dengan dokumen asal.

Walaupun draf perjanjian usaha sama tersebut dibincangkan semasa mesyuarat pada 18 September 2009 tetapi draf perjanjian tersebut juga tidak dapat diserahkan oleh 1MDB kepada JAN. Semakan JAN terhadap dokumen yang diberikan oleh Datuk Shahrol Azral kepada JAN pada 5 Jun 2015 mendapati Encik Brian Chia (Tetuan Wong & Partners . peguam cara dan peguambela)

melalui emel bertarikh 30 September 2009 mempersoalkan surat meminta pembayaran balik pinjaman pendahuluan USD700 juta yang menggunakan *letterhead* PetroSaudi International Ltd., sedangkan yang memberi pinjaman pendahuluan tersebut ialah PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Emel tersebut bertarikh 30 September 2009 sedangkan pindahan wang untuk pembayaran pinjaman tersebut juga telah dibuat pada tarikh yang sama.

Perjanjian ini yang bertarikh 28 September 2009 juga menetapkan bahawa langganan saham satu bilion oleh 1MDB dalam syarikat usaha sama tersebut berjumlah USD1 bilion perlu dibayar sepenuhnya sebelum atau pada 30 September 2009. Ini menunjukkan 1MDB hanya diberi tempoh yang amat singkat (dua hari) untuk membuat bayaran USD1 bilion kepada 1MDB PetroSaudi Ltd. Lembaga Pengarah 1MDB pada mesyuarat bertarikh 26 September 2009 telah meluluskan pemindahan USD1 bilion ke akaun bank syarikat usaha sama untuk tujuan langganan saham dalam 1MDB PetroSaudi Ltd.

Pada 30 September 2009, Bank Negara Malaysia (BNM) memberi kelulusan pindahan dana ke dalam akaun usaha sama di J.P. Morgan SA dan RBS Coutts Bank Ltd. (Geneva). Seterusnya pada 30 September 2009 juga, sejumlah USD300 juta telah dipindahkan ke akaun 7619400 di J.P. Morgan (Suisse) SA, iaitu bank 1MDB PetroSaudi Ltd. Bagaimanapun, baki USD700 juta telah dipindahkan ke akaun 11116073 di RBS Coutts Bank Ltd., milik sebuah syarikat lain yang tidak terlibat dengan projek usaha sama ini.

Berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh Datuk Shahrol Azral pada 5 Jun 2015 dan kenyataan beliau semasa mesyuarat

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 25 November 2015, akaun tersebut adalah milik Good Star Limited yang merupakan subsidiari Kumpulan PetroSaudi sejak 1 September 2009.

Semakan JAN juga mendapati tiada kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB untuk pemindahan wang ini ke dalam dua akaun yang berasingan.

5.2.2.1 Laporan Penilaian oleh Edward L. Morse bertarikh 29 September 2009

Jurunilai Edward L. Morse melalui suratnya bertarikh 20 September 2009 memaklumkan syarikatnya dilantik oleh 1MDB dan 1MDB PetroSaudi Ltd. untuk melaksanakan penilaian bebas terhadap aset hidrokarbon PetroSaudi International Ltd. dan subsidiarinya. Surat pelantikan ini ditandatangani oleh Encik Shahrol Azral pada 29 September 2009 iaitu pada hari yang sama laporan penilaian oleh Edward L. Morse juga bertarikh 29 September 2009, sehari selepas perjanjian usaha sama ditandatangani pada 28 September 2009. Dengan mengambil kira kompleksiti aset yang perlu dinilai, Edward L. Morse dapat mengeluarkan laporan penilaian tersebut dalam tempoh lapan hari.

Penilaian oleh Edward L. Morse Energy Advisory Services telah dilaksanakan terhadap aset (hak penerokaan dan pengeluaran minyak) milik PetroSaudi International Ltd. Manakala perjanjian usaha sama jelas menyatakan syarikat yang memiliki kesemua hak dan kepentingan terhadap aset yang dipersetujui untuk projek usaha sama ini ialah PetroSaudi International Cayman, iaitu syarikat yang lain daripada PetroSaudi International Ltd. Perjanjian usaha sama turut menyatakan bahawa pada tarikh perjanjian, PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. telah memindahkan kesemua saham yang diterbitkan bagi PetroSaudi International Cayman (yang memiliki kesemua hak dan kepentingan terhadap aset dengan anggaran nilai

USD2.70 bilion) kepada 1MDB PetroSaudi Ltd. Laporan ini juga tidak dapat mengesahkan aset yang dimiliki oleh Petro Saudi Turkmenistan 1 Limited (syarikat Jersey) dan Petro Saudi Ltd. Inc. (syarikat Panama). Pemilikan sebenar aset yang terlibat dalam projek usaha sama ini tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen dikemukakan kepada juruaudit-juruaudit 1MDB mahupun JAN bagi membuktikan tarikh sebenar aset PetroSaudi International Cayman telah dipindah milik kepada 1MDB PetroSaudi Ltd.

Laporan ini adalah berkaitan dengan hak penerokaan dan pengeluaran minyak pelbagai lokasi di Argentina dan Turkmenistan. Mengikut perkara 1.1 mengenai *Overview of Assets* dalam laporan penilaian menyatakan, jurunilai hanya menyemak *project economics* tanpa menilai sumber geologi, *property rights* termasuk *contractual rights to the field*. Ini menunjukkan hak pengeluaran minyak untuk Blok 3 kawasan di Turkmenistan dan Argentina masih belum disahkan. Perkara ini disebabkan kawasan tersebut telah lama menjadi pertikaian antara pelbagai pihak. Maklumat yang terhad ini merupakan kekangan terhadap laporan penilaian tersebut.

Dalam laporan ini juga dijelaskan bahawa blok tersebut pada asalnya dimiliki oleh Buried Hill Energy, sebuah syarikat yang didaftarkan di Panama melalui perjanjian jual beli dengan Kerajaan Turkmenistan. Bagaimanapun, pemilikan semasa bagi hak ke atas blok tersebut tidak dinyatakan. Oleh itu, persetujuan untuk menerima aset sebagai ekuiti dalam pelaburan usaha sama ini boleh dianggap sebagai tidak realistik dan berisiko tinggi.

Laporan ini juga menyatakan banyak kekangan, antaranya PetroSaudi International Ltd. tidak dapat menyediakan model aliran tunai yang boleh digunakan untuk perbandingan dengan aset di Turkmenistan kerana tidak mempunyai keupayaan menilai *evolving royalty and fiscal regimes* serta menyemak prosedur perbandingan nilai. Ini menunjukkan PetroSaudi International Ltd. tidak mempunyai

kepakaran untuk berurusan dengan aset yang kompleks. Manakala perenggan 4 laporan penilaian pula menyatakan aset di Argentina adalah aset luar jangka yang tidak boleh diniagakan dan bukan rizab. Bagaimanapun, ia telah dinilai berdasarkan anggaran tinggi dan rendah (*high & low estimates*) yang menunjukkan risiko yang tinggi terhadap aset di Argentina. Ini menunjukkan 1MDB gagal menilai andaian yang digunakan oleh jurunilai berkaitan dengan pengeluaran, harga petroleum, kadar diskau serta perbelanjaan modal dan operasi. Laporan penilaian ini hanya menilai hak terhadap aset sahaja dan bukannya nilai syarikat yang memiliki aset ini. Oleh itu, nilai bersih syarikat ini juga tidak dinyatakan. Semua kekangan tersebut merupakan risiko terhadap ketepatan laporan penilaian tersebut.

Dalam mesyuarat pada 3 Oktober 2009, Lembaga Pengarah 1MDB menyuarakan kebimbangan mereka mengenai kebolehpercayaan laporan penilaian ini kerana ia telah disediakan dalam tempoh yang singkat memandangkan sebelum ini mereka dimaklumkan laporan penilaian akan mengambil masa beberapa bulan dan hanya boleh disediakan pada bulan Mac 2010. Klausula dalam perjanjian usaha sama yang menetapkan 1MDB perlu melantik jurunilai bebas untuk menilai aset PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. dan laporan perlu dikemukakan pada atau sebelum 30 September 2009 adalah suatu penetapan yang tidak munasabah. Lembaga Pengarah 1MDB dalam mesyuarat tersebut juga meminta pengurusan mendapatkan laporan penilaian dan mengaturkan penerangan oleh Edward L. Morse pada mesyuarat seterusnya. Ini menunjukkan keputusan pelaburan tersebut dibuat sebelum laporan penilaian aset dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk diteliti atau diberi penerangan berhubung aset yang dimiliki oleh rakan usaha sama.

5.2.2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 3 Oktober 2009

Pada mesyuarat ini, Lembaga Pengarah 1MDB menyuarakan rasa tidak berpuas hati apabila arahan mereka telah diabaikan dan

penggunaan dana telah disalurkan kepada pihak lain tanpa pengetahuan mereka. Pandangan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- a. Lembaga Pengarah tidak dimaklumkan mengenai perubahan rancangan untuk memindahkan sejumlah USD700 juta daripada 1MDB ke dalam akaun yang bukannya milik syarikat usaha sama.
- b. Lembaga Pengarah juga tidak dimaklumkan mengenai penukaran akaun bank syarikat usaha sama daripada Bank BSI-SA (Geneva) kepada J.P. Morgan (Suisse) Geneva. Ini menimbulkan persoalan kerana semakan JAN mendapati kelulusan menukar akaun bank ini ada dibuat melalui resolusi bertarikh 30 September 2009 (iaitu pada tarikh yang sama pindahan wang dibuat), tetapi temu bual JAN dengan beberapa bekas Lembaga Pengarah mendapati mereka tidak menyedari kewujudan resolusi ini walaupun tandatangan mereka ada pada resolusi tersebut.
- c. Lembaga Pengarah juga kurang jelas mengenai status pemilikan aset yang dipegang oleh syarikat usaha sama dan kualiti aset yang dipindahkan kepada syarikat usaha sama termasuk *inherent/potential risk* berkaitan dengan aset tersebut.
- d. Lembaga Pengarah turut menyatakan pelaburan sebesar ini memerlukan pertimbangan secara menyeluruh dan terperinci serta perlu melalui proses *due diligence*.
- e. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa kesemua tindakan telah dilakukan dalam tempoh yang sangat singkat dan telah berkrompomi dengan kawalan dan *check and balance* utama yang penting untuk melindungi kepentingan 1MDB.

Lembaga Pengarah juga berasa hairan dengan kepantasan laporan penilaian yang disediakan oleh Edward L. Morse.

- f. Lembaga Pengarah telah memberi arahan tegas kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan 1MDB supaya tidak menyimpang daripada arahan yang diberikan dan patuh kepada prosedur yang telah dipersetujui.
- g. Lembaga Pengarah berpendapat pihak pengurusan telah mengabaikan teras utama syarikat iaitu untuk memberi tumpuan menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah 1MDB mengarahkan pihak pengurusan untuk mengambil tindakan pembetulan seperti berikut:

- a. Menentukan sama ada sejumlah USD700 juta daripada PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. dapat dikembalikan semula supaya dana tersebut dapat disalurkan mengikut ketetapan asal;
- b. Mendapatkan pengesahan bertulis daripada JP Morgan mengenai kelulusan penggunaan dana yang disimpan di dalam akaun bersama;
- c. Mendapatkan pengesahan bertulis bahawa aset yang disuntik oleh PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. telah dimiliki oleh syarikat usaha sama dan mendapatkan sesalinan laporan penilaian oleh Edward L. Morse serta pandangan perundangan untuk pertimbangan Lembaga Pengarah;
- d. Mengatur pertemuan dengan wakil jurunilai Edward L. Morse dan penasihat undang-undang untuk memberi taklimat kepada Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya;

- e. Mendapatkan pengesahan bertulis mengenai kualiti aset (termasuklah kualiti dan jangka hayat telaga minyak, risiko politik dan risiko lain yang berpotensi berkaitan aset yang diletakkan dalam syarikat usaha sama); dan
- f. Lembaga Pengarah masih tidak berpuas hati dan mengarahkan pihak pengurusan untuk melantik jurunilai bebas bagi menilai semula aset dalam syarikat usaha sama.

Berdasarkan bukti dokumen dan temu bual dengan bekas Lembaga Pengarah 1MDB, semakan JAN mendapati arahan-arahan Lembaga Pengarah tidak dipatuhi oleh pihak pengurusan 1MDB. Diperhatikan kelulusan yang diberikan oleh Lembaga Pengarah adalah untuk kerjasama dengan PetroSaudi International Ltd. dan bukannya dengan subsidiarinya, iaitu PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd.

Adalah didapati pengurusan 1MDB telah berulang kali tidak mematuhi arahan khusus yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Menandatangani perjanjian usaha sama pada 28 September 2009 sebelum mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang disyaratkan oleh Lembaga Pengarah. Ini menyebabkan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan 1MDB ditegur dan diberi amaran keras pada mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 3 Oktober 2009.
- b. Tidak melaksanakan penilaian kedua terhadap aset syarikat usaha sama sebagaimana diarahkan oleh Lembaga Pengarah pada 3 Oktober 2009.

Walaupun Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB didapati tidak mematuhi arahan, garis panduan dan tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah 1MDB masih tidak mengambil sebarang tindakan terhadap beliau.

5.2.2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 10 Oktober 2009

Semasa mesyuarat ini, Lembaga Pengarah 1MDB membangkitkan tentang keperluan penilaian aset di mana pihak pengurusan diminta mendapatkan 10 nama jurunilai yang berwibawa untuk disenaraipendekkan dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Lembaga Penasihat. Dengan itu, pihak pengurusan boleh berbincang dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. bagi pelantikan jurunilai kedua.

Selanjutnya, Lembaga Pengarah 1MDB telah mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB menyediakan kertas ringkasan komprehensif kepada Pengerusi Lembaga Penasihat yang mengandungi kronologi peristiwa berkaitan perjanjian usaha sama, status pembiayaan dan ketidakpuasan hati Lembaga Pengarah 1MDB terhadap laporan penilaian aset PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Bagaimanapun, semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 7 November 2009, Encik Shahrol Azral memaklumkan penilaian kedua tidak perlu dibuat terhadap aset syarikat usaha sama tersebut kerana Pengerusi Lembaga Penasihat tidak bersetuju dengan cadangan ini, tetapi mengarahkan Lembaga Pengarah 1MDB melantik sebuah syarikat perundingan bagi menilai pemilikan syarikat usaha sama. Namun demikian, semakan JAN mendapati tiada dokumen yang dapat membuktikan pelantikan perunding tersebut telah dibuat.

Semakan JAN mendapati perjanjian usaha sama tersebut mempunyai klausa yang menetapkan semua laporan kewangan, akaun dan operasi perlu dikemukakan kepada pemegang saham secara suku tahunan. Bagaimanapun, dokumen berkenaan tidak dapat dikemukakan oleh 1MDB untuk semakan JAN. Dalam tempoh projek usaha sama ini, Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan di mana dana tersebut telah dilabur oleh syarikat usaha sama walaupun Encik Shahrol Azral dan Encik Tang Keng

Chee (Casey Tang) dilantik sebagai wakil 1MDB dalam syarikat usaha sama tersebut. Pihak JAN juga tidak dikemukakan sebarang dokumen untuk membuktikan pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat usaha sama ini.

Namun demikian, walaupun Lembaga Pengarah 1MDB tidak berpuas hati dengan beberapa tindakan pengurusan 1MDB, JAN mendapati tiada bukti bahawa perkara ini telah dirujuk kepada Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB secara bertulis. Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat PAC pada 19 Januari 2016 memaklumkan secara keseluruhannya Lembaga Pengarah 1MDB memang tidak berpuas hati dengan cara pihak pengurusan mengendalikan urusan-urusan berkaitan projek usaha sama tersebut tetapi bersetuju menerima penjelasan lanjut dan pengesahan yang diberikan oleh pengurusan 1MDB.

Analisis JAN merumuskan keputusan membuat pelaburan ekuiti dalam syarikat usaha sama tersebut, iaitu 1MDB PetroSaudi Limited merupakan satu tindakan tanpa perancangan strategik kerana dibuat dalam tempoh lapan hari, tanpa penilaian terperinci, serta sebelum menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah terlebih dahulu. Perjanjian usaha sama juga mengandungi klausa-klausa yang tidak menjaga kepentingan syarikat.

5.3 KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN 1MDB

5.3.1 Kedudukan Kewangan 2010-2014 oleh 1MDB

Maklumat ini disampaikan oleh 1MDB kepada PAC.

1Malaysia Development Berhad (1MDB)					
	FY2010	FY2011	FY2012	FY2013	FY2014

	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Prinsipal Hutang					
- Edra	-	-	-	9,684	15,375
- Real Estate	-	-	-	800	2,271
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	4,428	6,801	7,928	25,766	24,222
Disatukan	4,428	6,801	7,928	36,250	41,868
Faedah Hutang					
- Edra	-	-	-	643	781
- Real Estate	-	-	-	-	17
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	248	333	462	972	1,601
Disatukan	248	333	462	1,616	2,399
Hasil Operasi					
- Edra	-	-	-	2,592	3,867
- Real Estate	-	-	-	-	392
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	-	-	-	-	-
Disatukan	-	-	-	2,592	4,259
Keuntungan Bagi Tahun					
- Edra	-	-	-	(1,292)	105
- Real Estate	-	(23)	(30)	2,714	893
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	424	567	74	(644)	(1,663)
Disatukan	424	544	44	778	(665)
Perbelanjaan Cukai Pendapatan					
- Edra	-	-	-	99	(4)
- Real Estate	-	-	-	-	-

- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	-	-	-	-	-
Disatukan	-	-	-	99	(4)
Jumlah Aset					
- Edra	-	-	-	17,427	24,844
- Real Estate	-	(20)	2,514	6,420	8,757
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	4,955	8,163	7,020	20,814	17,808
Disatukan	4,955	8,143	9,534	44,661	51,409
Jumlah Ekuiti					
- Edra	-	-	-	3,923	4,281
- Real Estate	-	(22)	(52)	4,782	5,691
- 1MDB Group (Tidak termasuk Edra & RE)	426	966	1,431	816	27
- Pelarasan disatukan	-	-	(221)	(7,137)	(7,557)
Disatukan	426	944	1,158	2,384	2,442

5.3.2 Kedudukan Aset 1MDB

5.3.2.1 Aset Dalam Pelaburan Portfolio Dana dan SPC

Berdasarkan semakan JAN aset 1MDB dalam pelaburan portfolio dana dan *Segregated Portfolio Company (SPC)* pada 31 Mac 2014 adalah seperti berikut:-

JADUAL 5

Kategori Aset	Nilai Pada 31 Mac 2014 (RM Juta)	Catatan
<i>Available For Sale Investments</i>	7,708.74	Pelaburan dalam <i>Segregated Portfolio Company (SPC)</i>
<i>Available For Sale Investments</i>	5,176.22	Pelaburan dalam Portfolio Pengurus Dana berbaki USD1,565.99 juta
<i>Available For Sale Investments</i>	503.91	Pelaburan dalam <i>unquoted debt securities</i>
Jumlah	13,388.87	

5.3.2.2 Aset Dalam Pelaburan Hartanah

Berdasarkan semakan JAN, aset dalam pelaburan hartanah 1MDB pada 31 Mac 2014 adalah seperti jadual berikut:-

JADUAL 6

Kategori Aset	Nilai Pada 31 Mac 2014 (RM Juta)	
Hartanah Pelaburan	7,080.99	Tanah Tun Razak Exchange (RM2,700 juta) Tanah Pengkalan Udara Sungai Besi / Bandar Malaysia (RM4,294.97 juta)
Inventori	1,109.86	Tanah Air Hitam, Pulau Pinang
Jumlah	8,190.85	

5.3.2.3 Aset Dalam Pelaburan Sektor Tenaga

Berdasarkan semakan JAN, aset dalam pelaburan sektor tenaga 1MDB pada 31 Mac 2014, adalah seperti jadual berikut:-

JADUAL 7

Kategori Aset	Nilai Pada 31 Mac 2014 (RM Juta)	
Aset Tak Ketara	2,108.08	<i>Goodwill on acquisition</i>
Aset Tak Ketara	6,451.15	Perjanjian Perkhidmatan Konsesi
<i>Service Concession Receivables</i>	3,295.58	Perkhidmatan Konsesi Bagi loji janakuasa di Mesir dan Bangladesh
Hartanah, Loji dan Peralatan	5,898.69	Loji Janakuasa Tenaga (5,622.49 juta) Tanah dan Bangunan, Kenderaan (RM276.20 juta)
Penghutang Lain, Cagaran dan Prabayaran	324.54	Penghutang Lain dan Cagaran
Baki Bank dan Wang Tunai	3,234.93	Kumpulan Edra Sahaja
Pajakan Belum Terima	1,231.36	Pajakan Operasi Kumpulan Edra
Inventori	786.76	Loji Janakuasa
Pelaburan dalam Kepentingan Usaha Sama dan Syarikat Bersekutu	257.82	Kepentingan dalam loji janakuasa di Abu Dhabi dan Pakistan
Penghutang Perdagangan	702.16	Penghutang berkaitan penjualan tenaga elektrik
Jumlah	24,291.07	

5.3.2.4 Pelbagai Aset Lain Milik 1MDB

Berdasarkan semakan JAN, 1MDB mempunyai pelbagai aset lain pada 31 Mac 2014 seperti dalam jadual:-

JADUAL 8

Pelbagai Aset Lain	Nilai Pada 31 Mac 2014 (RM Juta)	
Baki Bank dan Wang Tunai	610.44	Simpanan Tetap, Bank dan Wang Tunai
Penghutang Lain, Cagaran dan Prabayaran	4,881.90	Deposit kepada Aabar Investments PJS (RM4,468.16 juta)
Hartanah, Loji dan Peralatan	6.16	Kenderaan dan Peralatan dan Perabot
Tuntutan Cukai Belum Terima	39.56	
Lain-Lain Pelaburan	0.58	
Jumlah	5,538.44	

Jumlah keseluruhan aset yang dimiliki Kumpulan 1MDB pada 31 Mac 2014 adalah berjumlah RM51,409.43 juta merangkumi pelaburan aset berkaitan tenaga, aset dalam pelaburan portfolio dana dan SPC, aset dalam pelaburan hartanah dan pelbagai aset lain.

5.3.3 Kedudukan pinjaman kumpulan 1MDB

1MDB ditubuhkan untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi mampan jangka panjang Malaysia dan telah menerima sejumlah RM1 juta suntikan ekuiti daripada Kerajaan pada tahun 2009. Bagi membiayai aktiviti pelaburan, aset hartanah dan sektor tenaga di dalam serta luar negara, 1MDB menjana dana menerusi sumber

pinjaman, terbitan sukuk dan nota USD di dalam serta luar negara. Sehingga 31 Mac 2014, keseluruhan pinjaman kumpulan 1MDB berbaki RM41.86 bilion seperti jadual berikut:

JADUAL 9

PINJAMAN KUMPULAN 1MDB PADA 31 MAC 2014

Jenis Pinjaman	Jumlah Saksama (RM Juta)
Pinjaman Dalam Negara	13,951.81
Pinjaman Luar Negara	19,762.03
<i>Inherited Loans</i>	8,152.62
Jumlah Pinjaman	41,866.46

Sumber: Dokumen Dan Penyata Kewangan Kumpulan 1MDB

Pinjaman 1MDB boleh dibahagikan seperti berikut:

- i. Pinjaman Portfolio
- ii. Pinjaman Hartanah
- iii. Pinjaman Sektor Tenaga

Pada keseluruhannya pinjaman sehingga bulan Oktober 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10

	TARIKH PERJANJIAN	JENIS PINJAMAN	TEMPOH PINJAMAN	KADAR PINJAMAN/ PEMBIAYAAN	TUJUAN PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN	TERIMAAN BERSIH	PERBEZAAN	PENGGUNAAN SEBENAR	CATATAN SELESAI/BELUM SELESAI SEHINGGA OKT 2015
						(RM/USD Juta)	(RM/USD Juta)	(RM/USD Juta)	(RM/USD Juta)	
						(a)	(b)	(a-b)		
1	Mei 2009	Islamic Medium Term Notes (Ambank)	2009-2039	5.75%	<i>General investments and working capital</i>	RM5,000	RM4,385	RM11.25 (Kos Transaksi) RM603.85 (Diskaun)	RM3,487.32 juta (Ekuiti dalam PSI) RM897.68 juta (Working Capital dalam 1MDB)	Baki RM5 bilion
2	2009	Islamic Revolving Credit (Affin Bank)	On demand	COF I + 0.5%	<i>Working capital and Shariah Principle of Tawarruq</i>	RM37	RM37	-	<i>Working capital</i>	Selesai dengan menggunakan Revolving Credit RM229.50 juta. (Bil. 25)
3	TM	Revolving Credit	TM	TM	<i>Working capital</i>	RM2	RM2	-	<i>Working capital</i>	Selesai
4	Sept 2010	Syndicated Term Loan RM2.5B (Standard Chartered)	Sept 2010 – Sept 2013	3.96%	<i>1. RM600 million for indirect equity investment into an European-based operating PLC involved in energy Sector 2. Remaining balance for investments and working capital requirements in projects in energy, real estates, hospitality and agriculture sectors. All shall be located in Malaysia.</i>	RM2,500	RM2,299.83	RM15.17 Kos Transaksi	Pelaburan USD500 juta dalam Nota Murabahah pada tahun kewangan 2011 dan untuk membiayai sebahagian daripada USD330 juta Nota Murabahah pada tahun kewangan 2012.	Selesai dengan menggunakan Nota USD3 bilion. (Bil. 14)
5	Mac 2011	Syndicated Term Loan (Standard Chartered)	Mac 2011 – Sept 2013	KLIBOR + 1.3%	<i>General investments and working capital</i>	USD300	USD296.67 (RM895.72)	USD3.33 Kos Transaksi	Pembayaran balik prinsipal Syndicated Term Loan RM2.50 bilion	Selesai dengan menggunakan Nota USD3 bilion. (Bil. 14)
6	2011	Islamic Revolving Credit		3.40% - 4.10%	<i>Working Capital</i>	RM75	RM75	-	<i>Working capital</i>	Selesai

7	Jun 2011	Syndicated Term Loan RM2.50 B (Tambahan RM1.080 juta) (Standard Chartered)	Jun 2011 – Sept 2013	3.96%	1. RM600 million for indirect equity investment into an European-based operating PLC involved in energy sector 2. Remaining balance for investments and working capital requirements in projects in energy, real estate's hospitality and agriculture sectors. All shall be located in Malaysia.	RM1,080	RM1,080	-	Membiayai sebahagian daripada USD330 juta Nota Murabahah pada tahun kewangan 2012.	Selesai dengan menggunakan Nota USD3 bilion. (Bil. 14)
8	Ogos 2011	Term Loan (SRC)	Ogos 2011 – Julai 2012	10 + 100 mata asas bagi 3 tahun pertama. Tahun keempat berasaskan kpd kadar SKM 10 tahun + 70 mata asas.	General investments and general working capital	RM2,000	RM2,000	-	RM184 juta - pelaburan dalam usaha sama dengan Aabar Investment PJS RM1,549 juta - pelaburan sedia dijual	Pinjaman berjumlah RM2 bilion kemudian dipindahkan ke MKD pada 15.02.2012. Oleh itu, pinjaman ini tidak lagi menjadi tanggungan 1MDB pada 31.03.2012.
9	Mei 2012	Syndicated Bridging Loan (Maybank)	Mei 2012 – November 2013	COF + 2.0%	1. Acquisition of 100% of voting shares of Tanjong Energy 2. Prefund the minimum required balance for the Finance Reserve Account	RM6,170	RM6,170.00	-	RM6,000 juta - Perolehan TEHSB RM170 juta - Finance Service Reserve Account (FSRA)	Refinanced dengan Syndicated Bridging Loan RM5.5 bilion (Bil. 18)

10	Mei 2012	USD Notes	Mei 2012 – Mei 2022	5.99%	<i>RM2.5 billion (USD810.4 million) will be used to subscribe for newly issued ordinary shares in 1MDB Energy which in turn will be used to partially fund the capital acquisition, the repayment of debt and proposed acquisition of Tanjong Energy. The balance of net proceeds will be used for general corporate purposes (which may include future acquisitions).</i>	USD1,750	USD1,560 (RM4,824.99)	USD192.50 (RM579.89) Kos Transaksi	USD785.67 juta - perolehan TEHSB USD576.94 juta - security deposit USD194.89 juta - working capital /belanja korporat	Baki USD1.75 billion
11	Sept 2012	Term Loan PERKESO	Sept 2012 - Okt 2022	MGS + 0.5%	Membaiyai kos penempatan semula instalasi ketenteraan yang beroperasi di Kem Sungai Besi bagi projek pembangunan Bandar Malaysia dan/atau untuk pelaburan hartanah lain.	RM800	RM800	-	RM457 juta - Pendahuluan kpd 1MDB RM212 juta - TRX RM34 juta - BM RM92 juta - Kos operasi 1MDB RE RM5 juta - faedah pinjaman	Baki RM800 juta
12	Oktober 2012	USD Notes	Okt 2012 – Okt 2022	5.75%	<i>RM2.16 billion (approx USD692.36 million) will be used to subscribe for newly issued Ordinary Share Capital (OSC) in 1MDB Energy (Langat) Sdn. Bhd. which in turn will be used to partially fund the capital acquisition. The balance of net proceeds will be used for general corporate purposes (which may include future acquisitions)</i>	USD1,750	USD1,640 (RM5,093.12)	USD110 (RM311.76) Kos Transaksi	USD709.86 juta - perolehan Genting USD790.35 juta - security deposit USD139.79 juta - working capital /belanja korporat	Baki USD1.75 billion

13	Nov 2012	Syndicated Bridging Loan (Affin Bank/Ambank)	Nov 2012 – Feb 2016	COF + 2.0%	(i)Part finance the acquisition of Mastika Lagenda; (ii)To reimburse the borrower on the acquisition of Mastika Lagenda in the event the acquisition price has been fully settled; (iii)To prefund the Debt Service Resrve Account (DSRA); and (iv) To settle upfront and agency fees payable under the facility.	RM700	RM687.53	RM35.00 Kos Transaksi	Pembayaran balik pendahuluan kepada 1MDB.	Baki RM120 juta Bayaran balik sebahagian prinsipal melalui pinjaman spt. Bil. 22 & 25
14	Mac 2013	USD Notes	Mac 2013 - Mac 2023	4.40%	Modal permulaan usaha sama untuk Abu Dhabi Malaysia Investment Company Ltd. (ADMIC) bagi projek Tun Razak Exchange (TRX).	USD3,000 (RM9,265.55)	USD2,720 (RM8,434.25)	USD280 (RM831.39)	USD1,007.04 juta - Pendahuluan kpd 1MDB (lunaskan Syndicated Term Loan RM2.5 billion (Bil.4) , Term Loan USD300 juta (Bil.5) dan tambahan Syndicated Term Loan RM2.5 juta (tambahan RM1.08 juta (Bil.7)) USD24.85 juta - Pendahuluan kpd1MDB Energy Ltd. USD1.50 juta - Pendahuluan kpd Brazen Sky Ltd. USD1,581.43 juta - Pelaburan Luar Negara USD35 juta - Derma kpd. Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M)	Baki USD3 bilion
15	Dis 2013	Term Loan (Ambank)	Dis 2013 – Apr 2015	COF + 1.75% COF + 2.0%	Part finance the proposed acquisition of the entire share capital of Jimah O&M Sdn. Bhd. and Jimah Teknik Sdn. Bhd. respectively for aggregate purchase consideration of RM1.225 billion.	RM600	RM600	-	RM600 juta - perolehan Jimah	Selesai dengan menggunakan Bil. 22 & 23

16	Dis 2013	Term Loan (Ambank)	Dis 2013 - Dis 2014	5.09%	Membiayai sebahagian kos pembinaan kemudahan penggantian dari Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur (PUKL) ke tapak penempatan semula serta membiayai sebahagian perbelanjaan awal dan mobilisasi berkaitan kos infrastruktur projek TRX.	RM550	RM550	-	RM550 juta - Pendahuluan kpd 1MDB	Selesai dengan menggunakan Bil. 17
17	Feb 2014 Dis 2014	Sukuk Murabahah (Ambank)	<u>LTH</u> Feb 2014 - Feb 2021 (S1) Feb 2014 - Feb 2024 (S2) <u>KWAP</u> Dis 2014 - Dis 2021 (S3) Dis 2014 - Dis 2023 (S4)	0.35%	Membiayai sebahagian kos perpindahan projek dan/atau keperluan modal kerja.	<u>LTH</u> RM500 (S1) RM1,000 (S2) <u>KWAP</u> RM450 (S3) RM450 (S4)	<u>LTH</u> RM304.99 (S1) RM609.97 (S2) <u>KWAP</u> RM309.42 (S3) RM273.99 (S4)	RM902 Kos Transaksi & Diskaun	RM919 juta - Pendahuluan kpd 1MDB RM902 juta - Kos Transaksi dan diskaun RM550 juta - Bayaran Balik Term Loan RM550 juta (Bil.16) RM29 juta - Faedah atas Term Loan PERKESO & Term Loan RM550	Baki RM2,400 juta
18	Mei 2014	Syndicated Bridging Loan (Maybank)	<u>Tranche 1</u> Mei 2014 - Mei 2024 <u>Tranche 2</u> Mei 2014 - Nov 2014	<u>Tranche 1</u> COF + 2.5% <u>Tranche 2</u> COF + 2.75%	Membiayai semula sebahagian Syndicated Bridging Loan RM6.17 bilion	RM5,500	RM5,500	-	RM5,500 juta - Bayaran balik Syndicated Bridging Loan Maybank RM6.17 bilion (Bil. 9)	Selesai bayaran T2 dengan menggunakan Bil. 21 Baki T1 RM3,150 juta
19	Mei 2014	Term Loan (Deutsche Bank)	Mei 2014 - Feb 2015	LIBOR + 3.25%	Kegunaan korporat	USD250	TM	TM	USD250 juta - bayaran penamatan opsyen kepada Aabar Ltd	Selesai dengan menggunakan Bil. 20

20	Sept 2014	Term Loan (Deutsche Bank)	Sept 2014 - Sept 2015	LIBOR + 3.75%	Pembatalan opsyen Aabar Ltd.	USD975	TM	TM	USD250 juta - bayaran balik prinsipal Term Loan USD250 juta (Bil. 19) USD725 juta - bayaran penamatan opsyen kepada Aabar Ltd	Selesai dengan menggunakan Bil. 24 dan USD25 juta daripada Debt Service Reserve Account (DSRA)
21	Feb 2015	Term Loan (Marstan)	Feb 2015 - Apr 2016	8.50%	Bayaran penuh <i>Tranche 2 Powertek facility</i>	USD555.02 (RM2,000)	USD555.02 (RM2,000)	-	USD555.02 - Pembayaran balik Syndicated Bridging Loan Maybank RM5.50 bilion - Tranch 2 (Bil.18)	Baki USD555.02 juta (RM2 bilion)
22	Feb 2015	Standby Credit (Kerajaan Persekutuan)	Feb 2015 - Dis 2015	3.40%	Keperluan korporat dan bayaran pinjaman/faedah	RM950	RM950.07	RM0.07 Pertukaran matawang USD	RM115.51 juta - Bayaran balik prinsipal dan faedah Term Loan RM700 juta (Bil. 13) RM160.27 juta - Bayaran balik prinsipal dan faedah Term Loan USD975 juta RM350 juta - Bayaran balik sebahagian prinsipal Term Loan RM600 juta (Bil.15) RM238.26 juta - Bayaran kupon RM86.03 juta - Belanja korporat am	Baki RM950 juta
23	Mac 2015	Islamic Term Loan (Exim Bank)	Mac 2015 - Jun 2016	COF-i + 2.5%	Keperluan modal kerja am dan sektor tenaga Kumpulan 1MDB	USD150	TM	TM	USD0.75 juta - Bayaran fee kemudahan Exim Bank USD7.23 juta - FSRA RM0.37 juta - Fee perundangan dan pengeluaran USD64.87 juta - Bayaran balik prinsipal pinjaman Tadmax Resources RM250 juta - Bayaran balik sebahagian prinsipal Term Loan RM600 juta (Bil.15)	Baki USD150 juta

24	Mei 2015	Cash Payment IPIC	-	-	Melepaskan obligasi dan tanggungan antara Kumpulan 1MDB, IPIC dan Aabar	USD1,000	USD1,000	-	USD50 juta - Bayaran kepada Yurus Private Equity Fund I,L.P. USD950 juta - Bayaran balik sebahagian prinsipal USD975 juta (Bil. 20)	Baki USD1 bilion
25	Ogos 2015	Revolving Credit	On demand	COF + 2.0%	Keperluan modal kerja/atau ditentukan nanti.	RM229.50	-	-	RM37 juta - bayaran balik Islamic Revolving Credit (Bil. 2) RM120 juta - bayaran balik sebahagian Term Loan RM700 juta (Bil.13) RM8 juta - escrow account RM64.50 juta - pendahuluan kpd 1MDB	Baki RM229.50 juta
26	Penyata Kewangan 31.3.2014	TM	TM	TM	TM	RM800	RM807.98	RM7.98	TM	Perbezaan antara senarai pinjaman yang diberi oleh 1MDB dengan Penyata Aliran Tunai bagi tahun Berakhir 31 Mac 2014.

5.3.4 Jaminan Dan Sokongan Kerajaan Persekutuan Sebelum 2016

Jaminan Kerajaan Persekutuan diberikan mengikut peruntukan Perlembagaan dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Jaminan ini diberi bagi memudahkan syarikat Kerajaan memperoleh pembiayaan dan pinjaman pada kos yang lebih kompetitif. Seksyen 6 Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 menyatakan syarikat Kerajaan yang mendapat Jaminan Kerajaan perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan terlebih dahulu sebelum membuat pinjaman yang lain. Seksyen 7 pula menyatakan melalui Jaminan Kerajaan ini, Kerajaan bertanggungjawab untuk menunaikan obligasi perjanjian pinjaman, bon, nota janji hutang atau surat cara lain yang dibuat oleh syarikat Kerajaan sekiranya, syarikat berkenaan gagal menunaikan obligasinya. Jaminan yang diberikan di bawah Akta ini perlu mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

5.3.4.1 Jaminan Kerajaan Persekutuan Kepada 1MDB

Sejak tahun 2009, dua jaminan Kerajaan telah diberikan kepada 1MDB bagi pembiayaan seperti berikut:-

- a. Islamic Medium Term Notes (IMTN) RM5 bilion
 - i) Pada 1 April 2009, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian jaminan kepada TIA untuk meminjam sehingga RM5 bilion daripada pasaran domestik dan luar negara melalui IMTN untuk pelaburan selaras dengan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 untuk tempoh sehingga 30 tahun. Jaminan Kerajaan adalah meliputi bayaran balik prinsipal dan kos pinjaman. Apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih TIA dan menukar namanya kepada 1MDB, Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk terus mengekalkan jaminan ke atas pembiayaan ini setelah proses pengambilalihan TIA oleh MKD disempurnakan pada 31 Julai 2009.

ii) Pada 15 Mei 2009, Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh YB Menteri Kewangan II telah menandatangani Jaminan Kerajaan Persekutuan terhadap IMTN berjumlah RM5 bilion. Antara tujuan penerbitan IMTN adalah bagi pelaburan am dan modal kerja.

b. Pinjaman Perkeso RM800 juta

i) Pada 11 November 2011, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kerajaan memberikan jaminan bagi pinjaman yang diperoleh oleh 1MDB Real Estate Sdn. Bhd. (1MDB RE), iaitu subsidiari milik penuh 1MDB sehingga RM800 juta daripada sumber pasaran atau institusi kewangan domestik. Tempoh pinjaman sehingga 10 tahun bertujuan untuk membiayai kos penempatan semula instalasi ketenteraan yang beroperasi di Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur. Penempatan semula ini diperlukan bagi membolehkan pelaksanaan projek pembangunan Bandar Malaysia di kawasan tersebut.

ii) Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh YB Menteri Kewangan II telah menandatangani Jaminan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM800 juta pada 28 September 2012.

5.3.4.2 Jaminan Kerajaan Dalam Bentuk Pemberian Surat Sokongan (Letter of Support).

Kerajaan telah mengeluarkan jaminan dalam bentuk pemberian surat sokongan (letter of support). Melalui pengeluaran surat sokongan ini dan sekiranya berlakunya *default*, Kerajaan hanya akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan obligasi setelah syarikat menggunakan semua dana dalaman terlebih dahulu untuk

bayaran balik hutangnya. Dua Surat Sokongan telah diberikan kepada 1MDB bagi pembiayaan seperti berikut:

a. Penerbitan Nota USD3 bilion

- i) Goldman Sachs yang dilantik Kerajaan Abu Dhabi sebagai *arranger* untuk penerbitan Nota USD3 bilion dalam bentuk *private placement* telah memohon supaya *Letter of Support (LOS)* dikeluarkan oleh MKD dan IPIC untuk tujuan menarik minat pelabur. Ini disebabkan 1MDB dan Aabar (subsidiari IPIC) tiada penarafan antarabangsa. LOS ini perlu dikeluarkan supaya terbitan Nota USD3 bilion oleh syarikat *special purpose vehicle (SPV)*, iaitu 1MDB BVICO akan dilanggan sepenuhnya.
- ii) 1MDB melalui surat bertarikh 15 Januari 2013 kepada YAB Menteri Kewangan telah memohon MKD untuk mengeluarkan LOS bagi tujuan pelaburan projek usaha sama bernilai USD6 bilion dengan nisbah 50:50 bersama Aabar.
- iii) Memo Kementerian Kewangan pada 18 Februari 2013 menyatakan tujuan penerbitan bon adalah untuk membiayai pelaburan dalam sektor hartanah, tenaga dan sektor strategik lain sebagai modal kerja.
- iv) Pada 13 Mac 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan perkara berikut:
 - Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan mengeluarkan LOS ke atas terbitan Nota USD3 bilion oleh 1MDB BVICO.
 - Sokongan kewangan adalah meliputi bayaran prinsipal berjumlah USD3 bilion dan kos pinjaman

- v) Pada 8 Mac 2013, 1MDB telah menubuhkan 1MDB Global Investments Ltd. (1MDB GIL) di British Virgin Islands untuk tujuan terbitan Nota USD3 bilion tersebut.
- vi) Pada 14 Mac 2013, YAB Menteri Kewangan telah menandatangani LOS dan Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab untuk menyediakan bantuan kewangan kepada 1MDB GIL berdasarkan situasi berikut:
- Sekiranya 1MDB GIL tidak berupaya untuk membayar balik hutang atau terdapat kekurangan dalam pembayaran balik, 1MDB perlu terlebih dahulu menyuntik modal bagi memastikan 1MDB GIL berkeupayaan membayar balik hutang; dan
 - Sekiranya 1MDB, sebagai pemegang saham 1MDB GIL gagal untuk menyediakan keperluan dana di atas, Kerajaan Persekutuan perlu mengambil alih untuk menyediakan dana tersebut.
- vii) Semakan JAN mendapati LOS bagi terbitan Nota USD3 bilion adalah untuk suntikan modal kepada syarikat usaha sama bagi melaksanakan pelaburannya. Bagaimanapun, tiada butiran terperinci berkaitan projek atau pelaburan yang akan dilaksanakan. Semakan JAN seterusnya terhadap USD *Information Memorandum* (Memo) 1MDB GIL mendapati pada 19 Mac 2013, terimaan bersih daripada terbitan Nota USD hanya berjumlah USD2.72 bilion. Memo ini menyatakan terimaan tersebut akan digunakan sama ada sebagai pinjaman atau pelaburan dalam Abu Dhabi

Malaysia Investment Company Limited (ADMIC), iaitu syarikat usaha sama 1MDB dan Aabar.

- viii) Penyata Kewangan Kumpulan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 merekodkan sejumlah USD1.56 bilion daripada terimaan bersih terbitan Nota USD telah dilaburkan dalam portfolio pengurus dana di BSI Lugano, Switzerland. Semakan JAN mendapati 1MDB tidak memaklumkan semula kepada MKD berkaitan perubahan keputusan dana terbitan yang akan dilaburkan dalam dana pelaburan sehingga pelaburan oleh ADMIC dimuktamadkan seperti mana yang dimaklumkan oleh Encik Azmi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 18 Mac 2013.

Pinjaman EXIM Bank USD150 juta

Jemaah Menteri bersetuju untuk mengeluarkan LOS bagi pinjaman kepada Timeline Zone Sdn Bhd (TZSB), subsidiari milik penuh 1MDB berjumlah USD150 juta dengan EXIM Bank Berhad pada 13 Mac 2015. Pinjaman ini adalah bagi membiayai keperluan korporat am tetapi tidak terhad kepada keperluan modal kerja, perbelanjaan modal masa hadapan dan ekuiti *infusion* perniagaan tenaga dalam Kumpulan 1MDB.

Berdasarkan notis penggunaan yang dikemukakan oleh TZSB bertarikh 23 Mac 2015 kepada pihak JAN, arahan penggunaan pinjaman berjumlah USD150 juta telah diberi kepada EXIM Bank seperti berikut:

- i. Sejumlah USD0.75 juta dibayar kepada EXIM Bank bagi kemudahan;
- ii. Sejumlah USD7.23 juta dimasukkan ke akaun FSRA (cash collateral) di Exim Bank;
- iii. Sejumlah RM0.37 juta bagi fi perundangan dan pengeluaran; dan
- iv. Baki daripada kemudahan pinjaman ini digunakan bagi tujuan keperluan modal kerja 1MDB.

Standby Credit RM950 juta oleh Kerajaan Persekutuan

Standby Credit adalah bantuan kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam bentuk pinjaman jangka pendek dan *drawdown* apabila terdapat keperluan. *Standby Credit* yang diberi kepada 1MDB adalah seperti berikut:

- i) Pada 18 Februari 2015, 1MDB telah memohon pinjaman jangka pendek daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 bilion bagi sokongan kewangan dalam pengembangan sektor tenaga dan hartanah syarikat. Bagi menyokong peranan 1MDB di dalam melaksanakan projek pembangunan ini, Kerajaan Persekutuan pada tarikh yang sama telah bersetuju untuk menyediakan pinjaman jangka pendek sehingga RM3 bilion kepada 1MDB untuk tujuan pembiayaan aliran tunai pembangunan projek Tun

Razak Exchange (TRX) oleh 1MDB RE. Bagaimanapun, pada 25 Februari 2015, Jemaah Menteri telah membatalkan keputusan untuk memberikan pembiayaan berjumlah RM3 bilion kepada 1MDB dan hanya meluluskan *standby credit* sehingga RM950 juta dengan faedah sebanyak 3.40% setahun dan dibayar balik selewat-lewatnya pada 31 Disember 2015. Pinjaman ini diperlukan untuk pembiayaan aliran tunai bagi pembayaran pinjaman termasuk faedah oleh 1MDB dan syarikat subsidiari serta keperluan perbelanjaan korporat syarikat. Dana selebihnya yang diperlukan oleh 1MDB akan diperoleh daripada sumber lain khususnya melalui langkah-langkah *monetisation* aset-aset 1MDB serta mempercepatkan pelaksanaan projek TRX dan Bandar Malaysia.

ii) Pinjaman ini telah disalurkan kepada sebuah SPV milik penuh 1MDB, iaitu Plenitude Mentari Sdn. Bhd. terma dan syarat pinjaman yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

- 1MDB sebagai syarikat induk memberi *Letter of Comfort* ke atas pinjaman dan sekiranya berlaku *default*, 1MDB perlu membayar balik pinjaman pada 31 Disember 2015;
- *Negative pledge* ke atas penjualan saham dalam KLFID Sdn. Bhd. (syarikat milik penuh 1MDB) yang merupakan pemilik tanah di TRX; dan

- Menyediakan penyata aliran tunai dan laporan kemajuan projek bagi setiap *drawdown* sepanjang tempoh pinjaman.
- Pengeluaran pinjaman telah dibuat secara tujuh peringkat kepada Plenitude Mentari Sdn. Bhd. seperti jadual berikut:

JADUAL 11

Peringkat	Tarikh Pengeluaran	Jumlah (RM Juta)
1	27 Februari 2015	115.51
2	27 Februari 2015	160.27
3	27 Februari 2015	24.29
4	06 Mac 2015	3.04
5	11 Mac 2015	243.71
6	Tiada Maklumat	53.18
7	07 April 2015	350.00
Jumlah		950.00

5.3.4.3 Pendedahan Risiko Kerajaan Persekutuan

Secara keseluruhannya, sehingga bulan Oktober 2015, pendedahan risiko Kerajaan Persekutuan sekiranya 1MDB gagal melunaskan pinjaman, dianggarkan berjumlah RM20.31 bilion tidak termasuk bayaran faedah. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 12

Syarikat	Jenis Bantuan	Tarikh	Jenis Pinjaman	Prinsipal (RM/USD Juta)	% Kupon/Faedah	Tarikh Matang/Tamat
1MDB	Jaminan Kerajaan	15.5.09	IMTN	5,000.00	5.75% semi Annually	31.11.2039 (30 tahun)
1MDB Real Estate Sdn Bhd	Jaminan Kerajaan	28.9.12	Term Loan-Perkeso	800.00	4.04 setahun	10.10.2022 (10 tahun)
1MDB Global Investments Ltd.	Letter Of Support	14.3.13	Nota USD (Arranger-GoldmanSachs)	12,912./ (USD3.0)	4.40 semi Annually	09.03.2023 (10 tahun)
Timeline Zone Sdn Bhd	Letter Of Support	18.3.15	Term Loan . Exim Bank Malaysia	645.60/ (USD0.15)	COFi+2.50 Setahun	23.6.16 (15 bulan)
Plenitude Mentari Sdn Bhd	Standby Credit	27.2.15	Pinjaman Kerajaan Persekutuan	950.00	3.40	31.12.15 (10 bulan)

Analisis JAN terhadap Jaminan Kerajaan, LOS dan *Standby Credit* Kumpulan 1MDB pada 31 Oktober 2015 adalah seperti berikut:

- i) Jaminan Kerajaan . RM5.80 bilion
- ii) *Letter of Support* . RM13.56 bilion
- iii) *Standby Credit* – RM950 juta

JAMINAN DAN BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KUMPULAN 1MDB



5.3.5 Semakan Penyata Kewangan 2010-2014

Mengikut Seksyen 143(1) Akta Syarikat 1965, Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) wajib diadakan pada setiap tahun kalendar bagi membentangkan penyata kewangan, mengisytiharkan dividen yang dipersetujui oleh pengarah-pengarah, melantik pengarah baru serta memutuskan pelantikan juruaudit syarikat. Syarikat juga dikehendaki membentangkan penyata kewangan pertamanya dalam AGM pertama selewat-lewatnya dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penubuhan syarikat dan bagi penyata kewangan tahun seterusnya perlu dibentangkan dalam tempoh 15 bulan dari tarikh AGM seterusnya.

Seksyen 169(1) Akta Syarikat 1965 menjelaskan bahawa pengarah adalah wajib membentangkan akaun untung rugi di AGM pada setiap tahun kalendar tidak lewat dari 18 bulan selepas tarikh penubuhan syarikat dan selepas itu sekali sekurang-kurangnya dalam tiap-tiap tahun kalendar pada jarak yang tidak lebih dari 15 bulan sejak akaun terdahulu dibentangkan.

Walau bagaimanapun, syarikat boleh memohon kebenaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk melanjutkan tempoh ini seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 143(2) dan Seksyen 169 (2) Akta Syarikat 1965.

Penyata Kewangan syarikat yang siap diaudit perlu dibentangkan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan berakhir dan dikemukakan kepada SSM dalam tempoh satu (1) bulan selepas mesyuarat agung seperti yang digariskan di bawah Seksyen 160(1) Akta Syarikat 1965. Manakala Seksyen 169(4) Akta Syarikat 1965 turut menekankan bahawa akaun untung rugi dan kunci kira-kira syarikat hendaklah diaudit sebelum ia dibentangkan dalam AGM Syarikat.

Semakan JAN mendapati 1MDB telah menyerahkan penyata kewangan beraudit kepada SSM dalam tempoh masa ditetapkan seperti yang digariskan dalam Seksyen 160(1), Akta Syarikat 1965. Namun, 1MDB gagal membentangkan penyata kewangannya dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan berakhir bagi tahun 2010, 2012, 2013 dan 2014 di mana kelewatannya dalam lingkungan 36 hari hingga 181 hari. 1MDB juga gagal mematuhi Seksyen 143(1) dan Seksyen 169(1), Akta Syarikat 1965 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 di mana syarikat gagal membentangkan penyata kewangannya dalam mesyuarat agung (AGM) pada tahun kalendar serta gagal membentangkan penyata kewangannya dalam tempoh 15 bulan dari tarikh AGM sebelumnya.

Bagaimanapun, Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 belum diaudit. Pada 24 Julai 2015, 1MDB telah memohon pelanjutan masa pembentangan penyata kewangan dan SSM telah memberi kelulusan pelanjutan sehingga 31 Mac 2016 melalui surat bertarikh 21 Ogos 2015. 1MDB memaklumkan penyata kewangan itu belum lagi diaudit disebabkan banyak maklumat kewangan berada dalam simpanan pihak berkuasa.

5.3.5.1 Semakan Penyata Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Mac 2010

Kepentingan ekuiti dalam syarikat usaha sama yang diperoleh pada 28 September 2009 telah dilupuskan pada 31 Mac 2010. Bagi mengenal pasti keuntungan ke atas pelupusan ini, sepatutnya pada 31 Mac 2010, 1MDB melaksanakan penilaian terhadap ekuiti/aset syarikat usaha sama itu. Memandangkan dokumen-dokumen tidak dapat dikemukakan kepada juruaudit syarikat, iaitu Tetuan Ernst & Young (EY) dan percanggahan pendapat mengenai pemilikan aset, maka Tetuan EY telah ditamatkan perkhidmatannya. Bagaimanapun, Tetuan KPMG yang telah dilantik sebagai juruaudit baru telah menandatangani laporan juruaudit bagi penyata kewangan berakhir 31 Mac 2010 dengan merujuk kepada dokumen berikut:-

- a) Surat Share Sale Agreement bertarikh 31 Mac 2010;
- b) Position Paper bertarikh 18 September 2009;
- c) Perjanjian Usaha Sama bertarikh 28 September 2009;
- d) Laporan Penilaian Edward L.Morse Energy Advisor Services bertarikh 29 September 2009; dan
- e) Laporan Penilaian Tetuan Deloitte & Touche Financial Advisory Services Pte. Ltd. bertarikh 1 Oktober 2010.

Selain itu, Tetuan KPMG tidak mengesahkan bayaran kos pelaburan USD1 bilion telah dibuat ke dalam akaun syarikat usaha sama mengikut keputusan Lembaga Pengarah 1MDB.

Semakan JAN mendapati Perjanjian Pembiayaan Murabahah diluluskan oleh pemegang saham 1MDB PetroSaudi Ltd. pada 14 Jun 2010 walaupun penyata kewangan 1MDB berakhir 31 Mac 2010 menyatakan bahawa perjanjian ini ditandatangani pada 31 Mac 2010. Tetuan KPMG mengesahkan pihaknya tidak diberi resolusi

pemegang saham 1MDB PetroSaudi Ltd. yang bertarikh 14 Jun 2010.

Perubahan pengiktirafan tarikh perjanjian tersebut daripada 14 Jun 2010 kepada 31 Mac 2010 menyebabkan 1MDB terlebih nyata keuntungan berjumlah RM651.80 juta dalam penyata kewangan bagi tempoh berakhir 31 Mac 2010, di mana keuntungan berjumlah RM651.80 juta itu sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2011. Tanpa keuntungan tersebut, 1MDB sepatutnya merekodkan kerugian berjumlah RM227.19 juta seperti jadual berikut:-

JADUAL 13

Butiran	Jumlah RM'000
a. Keuntungan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010	424,607
b. Keuntungan atas pelupusan pelaburan dalam syarikat usaha sama	651,800
c. Kerugian tanpa mengambil kira keuntungan atas pelupusan pelaburan dalam syarikat usaha sama (C=A-B)	(227,193)

Laporan Tetuan KPMG terhadap penyata kewangan 1MDB dan Kumpulannya dikeluarkan pada 4 Oktober 2010. Namun, Tetuan KPMG tidak membangkitkan keperluan pendedahan peristiwa selepas akhir tempoh kewangan dalam nota kepada penyata kewangan berkenaan pelaburan tambahan dalam Nota Murabahah berjumlah USD500 juta (RM1.57 bilion) pada 14 September 2010.

5.3.5.2 Semakan Semula Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011

1MDB telah menggunakan dana daripada *Syndicated Term Loan* RM2.50 bilion dengan tempoh matang selama tiga (3) tahun untuk melanggan pelaburan tambahan dalam Nota Murabahah dengan tempoh matang yang lebih panjang, iaitu matang pada bulan Mac

2015 dan Mac 2021. Amalan ini, bertentangan dengan konsep *prudence*. Bagaimanapun, pinjaman ini telah dibayar pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 melalui hasil terbitan Nota USD3 bilion untuk pembangunan projek usaha sama ADMIC.

Tetuan KPMG mengesahkan bahawa berdasarkan standard perakaunan, penggunaan pinjaman pendek bagi tujuan pelaburan jangka panjang tidak perlu didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan. Ia juga tidak menunjukkan masalah *going concern* 1MDB.

5.3.5.3 Semakan Semula Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2012.

Kumpulan 1MDB telah menerbitkan Nota USD3.50 bilion melalui dua nota dengan nilai nominal USD1.75 bilion bagi tempoh 10 tahun setiap satunya pada 18 Mei 2012 dan 17 Oktober 2012. Kedua-dua nota USD1.75 bilion tersebut yang dijamin oleh 1MDB dan International Petroleum Investment Company PJSC (IPIC) telah diluluskan untuk terbitan melalui resolusi Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 30 April 2012 dan 9 Oktober 2012.

Semakan JAN mendapati sejumlah RM4.24 bilion (USD1.367 bilion) daripada Nota USD3.50 bilion tersebut telah dibayar kepada Aabar Investments PJS Ltd. (Aabar Ltd.) sebagai *security deposit* pada 22 Mei 2012 (USD576.94 juta) dan 19 Oktober 2012 (USD790.35 juta). Bayaran *security deposit* tersebut dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB. Selain itu, penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2012 juga tidak mendedahkan peristiwa selepas tarikh penyata kewangan kerana masih dalam proses penyenaiaan IPO seperti berikut:-

- a. Jaminan IPIC terhadap Nota USD1.75 bilion yang diterbitkan pada 17 Oktober 2012.

- b. *Security deposit* dibayar kepada Aabar Ltd. Berjumlah RM4.24 bilion (USD1.367 bilion);
- c. *Call Option* selama 10 tahun yang memberi hak kepada Aabar Ltd. untuk memperoleh sehingga 49% saham yang dimiliki 1MDB Energy Ltd. dalam 1MDB Energy Sdn Bhd dengan harga maksimum RM1.225 bilion;
- d. *Call Option* selama 10 tahun yang memberi hak kepada Aabar Ltd. untuk memperoleh sehingga 49% saham yang dimiliki 1MDB Energy Langat Ltd. dalam 1MDB Energy (Langat) Sdn Bhd. dengan harga maksimum RM862.40 juta; dan
- e. Dalam *Interguarantor Agreement* yang ditandatangani antara 1MDB dan IPIC bertarikh 21 Mei 2012, 1MDB dikehendaki mendapatkan *Ministry of Finance Inc.* untuk melunaskan semua prinsipal dan kos berkaitan yang telah didahulukan oleh IPIC sekiranya 1MDB gagal melaksanakan obligasinya sebagai penjamin. Pihak JAN juga tidak dapat mengesahkan sama ada *Interguarantor Agreement* ini turut disediakan bagi terbitan Nota USD1.75 bilion yang kedua pada 17 Oktober 2012. Di samping itu, syarat dalam *Interguarantor Agreement* tersebut adalah bertentangan dengan surat kelulusan daripada Menteri Kewangan bertarikh 26 Mac 2012 dan 3 Ogos 2012 yang menyatakan bahawa terbitan kedua-dua Nota USD itu diluluskan tanpa jaminan kerajaan.

Semakan lanjut mendapati perkara-perkara tersebut di atas tidak dinyatakan dalam Surat Representasi 1MDB mengenai pengauditan penyata kewangan Kumpulan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2012 kepada Tetuan KPMG bertarikh 27 Disember 2012.

5.3.5.4 Semakan Semula Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2013.

Diperhatikan pegangan 49% dalam PSOSL telah diperoleh pada 1 Jun 2012 dan kemudiannya dilupuskan pada 12 September 2012 di mana keuntungan modal sejumlah USD95.37 juta (RM316.22 juta), telah diperoleh pada tarikh pelupusan. JAN tidak memperoleh sebarang dokumen yang menyokong keuntungan modal ini. Bagaimanapun, Tetuan Deloitte juga tidak mengesahkan perkara ini kerana penyata kewangan PSOSL dan laporan penilaian tidak dikemukakan kepada mereka.

Tetuan Deloitte sepatutnya mengesahkan asas perekodan keuntungan. Bagaimanapun, semasa temu bual dengan Tetuan Deloitte, mereka berpendapat pengesahan tidak perlu dilakukan kerana 1MDB telah melupuskan saham sebelum tahun kewangan berakhir, iaitu pada 31 Mac 2012, dan jumlah tersebut adalah di bawah paras materialiti yang ditetapkan.

Mengikut para 2.6 dalam Perjanjian Pembiayaan Nota Murabahah, penebusan hanya boleh dilaksanakan seperti syarat berikut:-

- a. Menebus baki Nota Murabahah kepada wang tunai; atau
- b. Menukar baki Nota Murabahah kepada saham biasa dalam 1MDB PetroSaudi Ltd.

Bagaimanapun pada 1 Jun 2012, 1MDB telah menukar baki Nota Murabahah kepada pegangan ekuiti sebanyak 49% dalam PSOSL yang bertentangan dengan syarat di atas kerana PSOSL bukan subsidiari 1MDB PetroSaudi Ltd. Tiada dokumen dikemukakan yang menunjukkan syarat di atas telah dipinda melalui perjanjian tambahan atau syarat tersebut telah dipersetujui untuk diubah. Mengikut temu bual dengan Tetuan Deloitte, perjanjian tambahan berkenaan tidak dikemukakan kepada mereka semasa pengauditan.

Selain itu, semakan JAN juga mendapati sejumlah RM4.24 bilion (USD1.367 bilion) daripada hasil terbitan dua Nota USD1.75 bilion telah dibayar pada 22 Mei 2012 dan 19 Oktober 2012 kepada Aabar Ltd sebagai *security deposit* tanpa kelulusan khusus oleh Lembaga Pengarah 1MDB. Bagaimanapun, Tetuan Deloitte tidak dapat mengesahkan sama ada kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh untuk pembayaran deposit tersebut.

5.3.5.5 Semakan Semula Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2014.

Pada 1 September 2014, 1MDB Energy Holdings Ltd. telah menandatangani *Facility Agreement* bagi pinjaman jangka pendek berjumlah USD975 juta diatitkan oleh Deutsche Bank AG Singapura. Antara tujuan pinjaman adalah untuk membiayai semula pinjaman sedia ada Deutsche Bank AG berjumlah USD250 juta serta membiayai perolehan dan pembatalan *call option* terhadap saham 1MDB Energy Langat Sdn. Bhd. dan saham Powertek Investment Holdings Sdn. Bhd. yang diberikan kepada Aabar Investments PJS Ltd.

Dokumen yang diperoleh oleh JAN menunjukkan satu *binding term sheet* telah ditandatangani pada 2 Oktober 2014 antara 1MDB Synergy Sdn. Bhd. dan Yurus Private Equity Fund I, L.P (Yurus) bagi memperoleh kesemua kepentingan Yurus dalam projek solar di bawah *Master Joint Venture Agreement* yang ditandatangani antara 1MDB Synergy Sdn. Bhd. dan Yurus pada 11 April 2014, dengan balasan USD95 juta.

Bagaimanapun, semakan JAN mendapati kedua-dua perkara tersebut tidak didedahkan sebagai Peristiwa Selepas Penyata Kewangan dalam nota kepada penyata kewangan. Semakan JAN

mendapati kedua-dua perkara tersebut juga tidak dinyatakan Surat Representasi 1MDB bertarikh 5 November 2014 kepada Tetuan Deloitte dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014.

Berdasarkan komen dari tetuan Deloitte kepada PAC yang merujuk kepada rekod syarikat, pihak Deloitte tidak pernah membuat apa-apa komen terhadap akaun syarikat 1MDB bertarikh 31 Mac 2014. Akaun tersebut telah diaudit secara *unqualified*, iaitu %bersih+ dan tanpa sebarang komen, tanpa sebarang *qualification* dan tanpa sebarang *emphasis of matter*.

Pihak KPMG telah mengesahkan akaun 1MDB bagi tahun kewangan berakhir 31.03.2010, 31.03.2011 dan 31.03.2012. Manakala pihak Deloitte telah mengesahkan akaun 1MDB bagi tahun kewangan berakhir 31.03.2013 dan 31.03.2014. Kesemua akaun-akaun tersebut telah diaudit secara *unqualified*, iaitu %bersih+ dan tanpa sebarang komen, tanpa sebarang *qualification* dan tanpa sebarang *emphasis of matter* (selain daripada 31.03.2010).

Merujuk kepada rekod syarikat, penjelasan dapat diberi untuk penukaran juruaudit akaun 1MDB bagi tahun berakhir 31.03.2013 (iaitu tahun di mana tetuan KPMG ditukar dengan tetuan Deloitte) dan bukan untuk tahun berakhir 31.03.2014.

Di dalam bidang perakaunan, walaupun terdapat *accounting standards*, yang menentukan *accounting treatment* untuk pelbagai transaksi syarikat, masih terdapat beberapa perkara dimana *accounting standards* tersebut memerlukan interpretasi sama ada oleh pihak pengurusan dan/atau pihak juruaudit. Perkara tersebut adalah begitu teknikal dan memerlukan, antara lain, *subjective judgement* berasaskan pendapat, yang mungkin berlainan dari satu pihak ke pihak yang lain.

Pada masa akaun 1MDB bagi tahun kewangan berakhir 31.03.2013 sedang disediakan, terdapat perbezaan pendapat keatas beberapa isu teknikal perakaunan di antara tetuan KPMG dan pengurusan 1MDB yang menyebabkan kelewatan dalam penyediaan akaun. Oleh itu, untuk tidak melengahkan masa, pengurusan 1MDB membentangkan isu teknikal yang sama kepada pihak Deloitte, di mana kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan ke atas *accounting treatment*. Tambahan pula, tetuan Deloitte, syarikat perakaunan terbesar di dunia, telah memberi cadangan pengauditan yang lebih komprehensif dan menyeluruh berbanding pihak KPMG, di mana hampir 15 audit partner dari Malaysia dan juga negara asing bertanggungjawab untuk pengauditan syarikat. Cadangan pihak Deloitte dianggap begitu menarik pada masa tersebut kerana 1MDB baru membeli 15 stesen janakuasa elektrik yang beroperasi di 5 negara dan memerlukan kepakaran juruaudit antarabangsa. Akhirnya, pihak KPMG telah digugurkan dan pihak Deloitte telah mengambil alih tugas sebagai juruaudit syarikat.

Pertukaran juruaudit oleh 1MDB ialah dari KPMG kepada Deloitte iaitu bukanlah dari ~~big 4~~ kepada juruaudit kecil tempatan yang tidak dikenali.

5.3.6 Pelantikan dan Penamatan Juruaudit

5.3.6.1 Tetuan Ernst & Young (EY)

Tetuan EY merupakan juruaudit pertama yang dilantik pada 25 Mac 2009 oleh TIA yang kemudiannya telah ditamatkan kontrak pada 15 September 2010 sebelum 1MDB mengemukakan penyata kewangan pertama bagi tempoh berakhir 31 Mac 2010.

Semakan terhadap Memorandum Perancangan Audit 2010 bertarikh 26 Mac 2010 yang disediakan oleh Tetuan EY mendapati perkara berikut:

- a. Untuk menentukan nilai saksama aset dan liabiliti syarikat usaha sama pada tarikh perolehan, Tetuan EY telah memohon untuk menyemak laporan *due diligence* yang disediakan oleh pihak pengurusan 1MDB dan laporan berhubung status hak milik aset PSI dalam syarikat usaha sama. Tetuan EY juga memohon penyata kewangan syarikat usaha sama pada 30 September 2009 bagi melaksanakan penilaian nilai saksama terhadap saham, aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat usaha sama. Langkah ini perlu untuk menentukan nilai *goodwill* pada masa usaha sama tersebut. Tetuan EY telah melaksanakan penilaian awal dan memohon maklumat tambahan untuk menilai *reasonableness of the key assumptions* bagi menentukan nilai jangkaan aset PSI.

- b. Semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 5 April 2010, Tetuan EY telah membangkitkan keperluan mendapat dokumen ini.

Ini menunjukkan Tetuan EY tidak berpuas hati dengan laporan dan dokumen sokongan yang dikemukakan. Ini menyebabkan Tetuan EY membangkitkan pelbagai persoalan dan memohon pihak pengurusan mengemukakan lebih banyak maklumat berkaitan. Tetuan EY tidak menemui dokumen berkaitan status pemilikan sebenar, nilai dan risiko yang berkaitan dengan aset yang dilaburkan oleh rakan usaha sama.

Tetuan EY juga telah membangkitkan keperluan mengesahkan semula nilai aset tersebut bagi tujuan proses semakan kaedah perakaunan yang sesuai terhadap pertukaran ekuiti kepada Nota Murabahah dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010. Bagaimanapun pada tarikh yang sama, 1MDB tidak mempunyai

dokumen yang mencukupi bagi membuktikan pemilikan aset oleh syarikat usaha sama.

Ini disokong dengan makluman semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada 4 Oktober 2010 bahawa 1MDB PetroSaudi Ltd. belum menyediakan penyata kewangannya dan Ketua Pegawai Eksekutif telah menyakinkan Lembaga Pengarah 1MDB bahawa perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang setelah menerima penyata kewangan syarikat tersebut. Bagaimanapun, tiada sebarang bukti menunjukkan kertas perbincangan berhubung perkara tersebut pernah dibentangkan dalam mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Pendirian Tetuan EY itu telah menimbulkan situasi kurang senang kepada pengurusan 1MDB dan kemudiannya pemegang saham dan Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan Tetuan EY.

5.3.6.2 Tetuan KPMG

Tetuan KPMG dilantik pada 15 September 2010 selepas penamatan Tetuan EY. Bagaimanapun, pada 31 Disember 2013, pelantikan Tetuan KPMG telah ditamatkan sebelum 1MDB mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013.

Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 11 November 2013, bagi mengesahkan nilai saksama (fair value) pelaburan Kumpulan 1MDB dalam Bridge Global SPC melalui Brazen Sky Ltd. (BSL), Tetuan KPMG telah meminta beberapa dokumen seperti berikut:-

- a) Pengesahaan hak milik pelaburan Bridge Global SPC melalui BSL oleh Bank BSI;

- b) Dokumen berkaitan *legal due diligence* untuk mengesahkan Bridge Global SPC sebenarnya telah ditubuhkan secara sah mengikut undang-undang, dan menentukan struktur perundangannya bagi tujuan perakaunan;
- c) Pandangan undang-undang daripada peguam berhubung struktur Bridge Global SPC untuk menentukan hak milik BSL bagi tujuan perakaunan;
- d) Laporan nilai aset bersih (NAV) di dalam Bridge Global SPC pada 31 Mac 2013 dan dokumen sokongan menunjukkan bagaimana NAV diperolehi; dan
- e) Penyata Kewangan Bridge Global SPC pada 31 Mac 2013.

Berdasarkan minit mesyuarat yang diadakan di antara 1MDB dan Tetuan KPMG pada 29 November 2013, Encik Hazem cuba menyakinkan Tetuan KPMG berkaitan pelaburan tersebut. Bagaimanapun, Tetuan KPMG tidak berpuas hati kerana ketiadaan bukti secara bertulis.

Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 9 Disember 2013, Encik Hazem memaklumkan bahawa Tetuan KPMG tidak berpuas hati dan akan mengadakan mesyuarat untuk menentukan sama ada maklumat yang dikemukakan oleh pihak pengurusan 1MDB boleh diterima dan mencukupi bagi tujuan audit tersebut atau mereka akan mengeluarkan laporan berteguran. Tetuan KPMG memutuskan untuk mengeluarkan laporan berteguran.

Berikutan perbezaan pandangan yang semakin ketara antara 1MDB dan Tetuan KPMG, 1MDB melalui surat bertarikh 30 Disember 2013 menyatakan Tetuan KPMG perlu memperoleh maklumat lanjut daripada pengurus dana yang berkenaan. Bagaimanapun, pada 31 Disember 2013 pemegang saham 1MDB telah menamatkan kontrak

Tetuan KPMG dan melantik Tetuan Deloitte sebagai juruaudit 1MDB yang baru.

Tetuan KPMG melalui surat bertarikh 6 Januari 2014 kepada pengurusan 1MDB membangkitkan pendekatan 1MDB yang hanya cuba menyakinkan mereka secara lisan tanpa mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan. Antara perkara yang dibangkitkan dalam surat tersebut adalah seperti berikut:

- a) Tetuan KPMG tidak berupaya untuk melaksanakan prosedur audit yang diperlukan untuk memastikan kesesuaian klasifikasi dan menilai pelaburan dana *hedge/hybrid* melalui *Segregated Portfolio Company*, Bridge Global Absolute Return Fund SPC oleh BSL;
- b) Walaupun, Vistra Fund Services Asia Ltd. telah membuat pengiraan NAV, Tetuan KPMG masih tidak berupaya memastikan sama ada asas penilaian itu berdasarkan *International Financial Reporting Standards (IFRS)* dan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*; dan
- c) BSL sebagai pemegang dana tersebut, mempunyai hak untuk menerima penyata kewangan belum diaudit *Bridge Global Absolute Return Fund SPC* tetapi sehingga ke tarikh tersebut penyata ini masih belum diterima.

Selain itu, beberapa faktor lain yang dinyatakan dalam surat bertarikh 6 Januari 2014 juga menunjukkan Tetuan KPMG tidak berupaya mengesahkan penilaian dana SPC tanpa diberi maklumat tambahan.

Situasi yang hampir sama juga dihadapi Tetuan KPMG selepas dua tahun menjadi juruaudit 1MDB apabila penilaian berhubung pelaburan Nota Murabahah kepada *Segregated Portfolio Company*

hendak dilakukan. Situasi sebegini merupakan kali kedua dalam tempoh empat tahun, perkhidmatan juruaudit ditamatkan selepas tahun kewangan berakhir disebabkan perbezaan pendapat berhubung isu penilaian sesuatu pelaburan.

Penamatan tetuan KPMG sebagai juruaudit 1MDB dibuat melalui Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 31 Disember 2013 yang menyebut *“Ordinary Resolution No.1 . Upon the mutual agreement between the company and Messrs. KPMG, it is resolved that Messrs. KPMG be removed as Auditors of the Company with immediate effect.”*

5.3.6.3 Tetuan Deloitte

Lembaga Pengarah 1MDB telah melantik Tetuan Deloitte melalui resolusi bertarikh 31 Disember 2013 sebagai juruaudit syarikat selepas menamatkan perkhidmatan Tetuan KPMG. Penamatan Tetuan KPMG dan pelantikan Tetuan Deloitte tersebut telah dibuat berdasarkan syor Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Audit 1MDB. Semakan JAN sehingga 31 Oktober 2015 mendapati Tetuan Deloitte masih merupakan juruaudit bagi 1MDB.

Deloitte telah mengesahkan pengauditan mereka bagi penyata kewangan 1MDB 2013 dan 2014.

5.3.7 Kegagalan Penyenaian Awal Awam (IPO) Edra Global Energy Bhd.(Edra)

Cadangan awal penyenaian 1MDB dalam Penyenaian Awam Permulaan (IPO) telah dibentangkan oleh Goldman Sachs semasa Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada 8 Februari 2012. Cadangan IPO ini merupakan salah satu *post-acquisition strategic option* selepas perolehan syarikat Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. (TEHSB). Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Encik Shahrol Azral telah

memaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 2 Mac 2012, bahawa sebahagian kos pembiayaan perolehan TEHSB boleh dilunaskan dengan kejayaan IPO.

1MDB telah mengambil pinjaman jangka pendek melalui *syndicated bridging loan* daripada Maybank Investment dan RHB Bank Berhad berjumlah RM6.17 bilion manakala baki berjumlah RM2.5 bilion akan ditanggung melalui pengeluaran Nota USD berjumlah USD1.75 bilion yang harus diselesaikan.

Pada 15 Oktober 2012 semasa mesyuarat Lembaga pengarah 1MDB En. Vincent Koh telah memaklumkan pelaksanaan IPO dijangka pada suku pertama tahun 2013 setelah selesai perolehan stesen janakuasa Powertek dan Kuala Langat. Bagaimanapun dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 22 Januari 2013, Encik Shahrol Azral memaklumkan pelaksanaan IPO ditangguhkan sehingga penghujung tahun 2013 selepas berjaya memperoleh dan menambah pengambilalihan sebuah lagi projek tenaga *greenfield* dengan kerjasama Mitsui & Co. Ltd. (Projek 3B). Selain itu, penangguhan pelaksanaan IPO juga dibuat bagi mengelak penyenaian pada masa yang sama dengan kumpulan Malakoff. Seterusnya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 15 Julai 2013, Encik Hazem memaklumkan bahawa adalah amat penting untuk memperoleh Projek 3B yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Mitsui & Co. Ltd. bagi memenuhi kriteria penyenaian IPO. Memandangkan keputusan bidaan hanya akan diketahui dalam bulan Januari 2014, rancangan penyenaian IPO akan ditangguhkan sekali lagi.

Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 19 Ogos 2013, Pengerusi 1MDB telah mengarahkan pihak pengurusan untuk berusaha menyatukan dan merasionalisasikan operasi ketiga-tiga syarikat IPP sebagai persediaan untuk penyenaian bahagian tenaga 1MDB yang dirancang dalam tahun 2014. Antara langkah yang diambil terhadap arahan ini adalah dengan mewujudkan 1MDB Energy

Group Berhad (Edra) yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan aktiviti penyenaiaan IPO yang dirancang. Syarikat ini kemudiannya telah ditukar nama kepada Edra Global Energy Berhad (Edra) selepas kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 1 Disember 2014, iaitu syarikat induk sektor tenaga yang bertindak sebagai pengurusan utama terhadap kesemua syarikat berkaitan tenaga di bawah kumpulan 1MDB.

JADUAL 14

IPO PENANGGUHAN PERANCANGAN PENYENARAIAAN

IPO		Sebab Penangguhan IPO
Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB	Perancangan Penyenaiaan	
15.10.2012	Suku Pertama Tahun 2013	Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 22 Januari 2013, IPO ditangguhkan kerana: <ul style="list-style-type: none"> • Menambah pengambilalihan sebuah lagi projek tenaga <i>greenfield</i> dengan kerjasama Mitsui & Co. Ltd. • Mengelak penyenaiaan pada masa yang sama dengan Kumpulan Malakoff.
22.01.2013	Penghujung Tahun 2013	Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada tarikh 15 Julai 2014, IPO ditangguhkan kerana keputusan bidaan projek tenaga <i>greenfield</i> dengan kerjasama Mitsui & Co. Ltd. hanya diketahui dalam Januari 2014.
15.07.2013	Tahun 2014	Berdasarkan Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 27 Februari 2015, IPO ditangguhkan kerana terdapat perkembangan signifikan di 1MDB dan Edra yang memerlukan pindaan terhadap Prospektus IPO.

Menurut 1MDB, penyenaiaan IPO telah ditangguhkan atas sebab-sebab politik dan pasaran semasa. Encik Hazem telah memaklumkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mac 2014, berdasarkan penilaian awal bank pelaburan, sekiranya penyenaiaan tersebut berjaya dilaksanakan ianya boleh mendatangkan hasil berjumlah RM15 bilion hingga RM25 bilion. Bagaimanapun, apabila permohonan IPO dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti pada bulan November 2014, nilai IPO yang dijangka akan diperolehi adalah di antara RM9.86 bilion hingga RM11.30 bilion. Mengikut maklumbalas 1MDB kejayaan penyenaiaan tersebut bergantung kepada faktor luaran di luar kawalan syarikat. 1MDB telah mula merancang dan memulakan kerja-kerja persediaan untuk IPO pada tahun 2013 iaitu sebelum banyak kenyataan negatif dan tuduhan media dan parti politik dalam tahun 2014 dan 2015.

Kesan daripada penangguhan kedua IPO adalah seperti berikut:

- Pinjaman Maybank berjumlah RM6.17 bilion yang matang pada bulan November 2013 tidak dapat dilunaskan dan 1MDB telah membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh matang selama 6 bulan lagi berakhir bulan Mei 2014.
- 1MDB terus gagal untuk melunaskan pinjaman pada bulan Mei 2014 dan telah membuat *re-finance of loan* setelah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM670 juta. Pinjaman *re-finance* dengan Maybank kini berjumlah RM5.50 bilion.
- Pihak JAN mengandaikan pelunasan pinjaman berjumlah RM670 juta ini juga telah dibiayai daripada pinjaman baru yang telah diambil pada bulan Disember 2013 oleh 1MDB Real Estate Sdn. Bhd. daripada Ambank Berhad. Ini kerana sebahagian besar pinjaman telah diberi kepada 1MDB sebagai pendahuluan dan bukan digunakan untuk membiayai projek penempatan semula Bandar Malaysia (iaitu tujuan sebenar pinjaman diambil).

- Pinjaman 1MDB semakin meningkat dan pembiayaan yang sepatutnya digunakan untuk projek pembangunan telah digunakan sebahagiannya untuk melunaskan pinjaman.
- Kos pinjaman yang ditanggung oleh syarikat semakin meningkat dan kos yang perlu ditanggung untuk melanjutkan pinjaman juga merupakan kos tambahan.

6. PELAN RASIONALISASI 1MDB

Maklumat berdasarkan laporan bertulis 1MDB yang dikemukakan kepada PAC pada 17 Mac 2016 adalah seperti di bawah:

A. Long Term Assets Vs Short Term Needs

1. Consolidated Debt and IPIC Advance Payment Position as at 31 January 2016*

			1MDB	1MDB
			RM'mil	Group
				RM'mil
				Jan'16
Loans and Borrowings			Carrying Amount	
	Facility			
1	Islamic Medium Term Notes	RM5,000 mil	4,440	4,440
2	Term loan from Marstan Investment	USD555 mil	2,000	2,000
3	PIH S/B's term loan	RM6,170 mil	-	2,889
4	1MDB Energy Ltd's USD notes	USD1,750 mil	-	6,998
5	1MDB Energy (Langat) Ltd's USD notes	USD1,750 mil	-	7,236
6	1MDB Energy (Langat) S/B's term loan	RM700 mil	-	119
7	1MDBRE term loan from SOCSO	RM800 mil	-	800
8	1MDB Global's USD notes	USD3,000 mil	-	12,082
9	Sukuk Murabahah Programme	RM2,4000 mil	-	1,626
10	Total Borrowing in Jimah Group	Total	-	4,863
11	Total Borrowing in PESB Group	Total	-	2,207
12	Term Loan from MOF	RM950 mil	-	950
13	Term Loan from EXIM Bank	USD150 mil	-	647
			6,440	46,857

- IPIC Advance Payment : RM4,300 million
- Total : RM46,857m + RM4,300m + RM51,157 million

*NOTE : Amounts above are per % carrying amount+in 1MDB financial statements.

- Accordingly, figures are different from the ultimate principal repayment amount.

*NOTE : MYR-USD ex rate : 4.3

2. Finance Costs p.a.

- RM2.4 billion (2014)
- RM3.3 billion (2015)

3. Kos Infrastruktur bagi Pelaburan

- TRX . RM3 billion (2015-2018)
- Bandar Malaysia . RM2.7 billion (2013-2017)

Ketidak padanan aset pada aliran tunai berbanding keperluan faedah perkhidmatan jangka pendek, pembangunan infrastruktur dan prinsipal.

IPO dalam Edra Energy tidak dimaterialkan pada November 2014 kerana:


- ***Publisiti negatif dari kritikan politik dan media.***
- ***Faktor pasaran.***

Pada November 2014, 1MDB dan Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah segera bagi mengatasi masalah ketidak sepadanan dan penilaian bagi option going forward.

B. Penilaian Option

Mengambil kira perkara berikut:

- ***Keupayaan bayaran balik pinjaman jangka pendek***
- ***Keupayaan padanan antara pinjaman jangka panjang bagi bond/sukuk dengan aliran tunai yang mampan.***
- ***keperluan pelaburan dan memastikan strategik projek seperti Bandar Malaysia dan TRX dibangunkan seiring dengan visi Kerajaan Malaysia.***



✓ Pencapaian <i>outcome</i>
1) Memastikan proses tender antarabangsa bagi penjualan aset adalah telus dan pada nilai yang maksima. 2) Promosi FDI. 3) Memastikan projek pembangunan strategik di siapkan.

C. Pelan Rasionalisasi Bagi Pengurangan Pinjaman

Kesemua pinjaman 1MDB dan bayaran pendahuluan IPIC di selesaikan, pertukaran dan/atau padanan melalui pelaksanaan pelan rasionalisasi berdasarkan andaian semasa

1. Pinjaman IPIC kepada pertukaran aset	Pertukaran nilai USD4.5 billion
Padanan & Pengurangan Pinjaman <ul style="list-style-type: none"> • USD3.5 billion USD Bonds • USD1.0 billion Bayaran Pendahuluan IPIC 	<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian Bi-lateral bagi pertukaran USD <i>cash deposits</i> dan USD <i>fund units</i>. • Bond dikekalkan dalam Kunci Kira-kira tetapi kos fedah dan prinsipal berdasarkan andaian oleh IPIC.

Binding term sheet ditandatangani pada June 2015, bergantung kepada tempoh siap pada June 2016.

2.

Edra Energy

Penjualan Ekuiti RM9.83 bilion dan pertukaran RM7.43 bilion “*inherited loans*”

Pengurangan Pinjaman
RM14.195 bilion

- RM7.43 bilion *inherited loans (debt at operating companies)*
- RM6.76 bilion *acquisition loans*

- Penghapusan 100% pegangan aset dalam Edra Energy.
- Bayaran balik dan pertukaran pinjaman.

SPA ditandatangani pada November 2015, bergantung kepada tempoh siap pada March 2016.

* Angka belum audit bergantung kepada pengesahan

* USD-RM pada kadar 4.3

3.

Bandar Malaysia

Penjualan ekuiti - *Deferred Payments Terms*

Padanan & Pengurangan
Pinjaman

- GIL USD3.0 bilion
- Sukuk RM2.4 bilion **

- Penghapusan 60% pegangan dalam BMSB termasuk mengekalkan 40% *ownership* (sama ada 1MDB atau MOF Inc SPV)
- Pinjaman GIL dikekalkan dalam kunci Kira-kira 1MDB tetapi dipadankan dengan aliran tunai masa hadapan.
- Pinjaman sukuk RM2.4 bilion adalah diperingkat projek Bandar Malaysia
- Pengurusan Bandar Malaysia akan dilaksana secara bebas dan berasingan oleh syarikat

SPA ditandatangani pada December 2015, tempoh siap August 2016.

4.

Penjualan Baki TanahPadanan & Pengurangan
Pinjaman

- RM5 billion Sukuk
- RM800 million SOCSO **

**Penjualan Tanah dan Ekuiti mengikut
Tempoh Masa**

- Mengekalkan 100% *ownership* (sama ada 1MDB atau MOF Inc SPV)
- RM5 billion Sukuk dikekalkan dalam Kunci Kira-kira 1MDB dan bayaran balik mengikut tempoh masa.
- Pengurusan TRX adalah secara bebas dan berasingan.
- Tanah Air Itam akan diuruskan dan dibangunkan oleh rakan kongsi JV .
- Penjualan tanah Pulau Indah.

* Angka Belum Audit adalah bergantung kepada pengesahan

* USD-RM pada kadar 4.3

** Bayaran balik pinjaman RM2.4 b sukuk dan RM800 m SOCSO diperingkat projek TRX dan BM

D. Hasil Penjualan EDRA**EDRA SALE EQUITY PURCHASE PRICE
ADJUSTMENTS****MYR**

Aggregate value Per 31 March 2015	9,832,000,000.00
(less) Dividend Paid Apr 15-Mar-16	(585,264,073.40)
Total amount payable by CGN at Closing 23 Mar 2016	9,246,735,926.60
(less) Maybank Loan Repayment	(2,975,559,169.10)
(less) Marstan Loan Repayment	(2,200,000,000.00)
(less) EXIM Bank Loan Repayment	(645,000,000.00)
(less) Govt. of Malaysia Loan Repayment	(985,220,000.00)
(less) Fees and Transaction Costs	(117,000,000.00)
Cash Balance from Edra Sale Proceeds	2,323,956,757.50

E. Penyata Aliran Tunai Bagi Pelan Rasionalisasi 1MDB

Penyata aliran tunai yang disediakan oleh 1MDB bagi Pelan Rasionalisasi yang terperinci adalah seperti dibawah.

ALIRAN TUNAI BAGI PELAN RASIONALISASI 1MDB

CASH FLOWS	2016	2022	2023	2039	TOTAL
Edra Sale Cash Balance	2,320.00				
Pulau Indah Sales Proceeds	300.00				
Bandar Malaysia 10% Deposits	741.00				
IPIC USD 1b Advance (Debt Swap)	4,200.00				
IPIC USD 3.5b Bond Interest (Debt Swap)(2016-2022)		5,413.10			
IPIC USD 3.5b Bond Principal (Debt Swap)(2016-2022)		11,900.00			
Bandar Malaysia 40% Stake Future Value			6,543.97		
Bandar Malaysia 60% Stake Deffered Payment			4,537.00		
Bandar Malaysia 60% Interest (2016-2023)			2,041.65		
Air Itam Land + JV GDV Profits Share			1,950.00		
TRX 100% Stake Future Value				12,286.10	
Total Cash Inflows	7,561.00	17,313.10	15,072.62	12,286.10	52,232.82
LESS CASH OUTFLOWS					
1MDB Repayment of TRX Intercompany Loan	1,250.00				
IPIC USD 1b Advance	4,200.00				
1MDB Energy USD3.5b Bond Interest (2016-2022)		5,413.10			
1MDB Energy USD3.5b Bond Principal (2022)		11,900.00			
1MDB GIL USD3.0b Interest (2016-2023)			3,643.20		
1MDB GIL USD3.0b Principal (2023)			10,200.00		
Bandar Malaysia 40% Capital Call			208.00		
RM 5b Sukuk Interest (2016-2039)				6,768.00	
RM 5b SukukPrincipal (2039)				5,000.00	
1MDB OPEX (2016-2039)				690.00	
Total Cash Outflows	5,450.00	17,313.10	14,051.20	12,458.00	49,272.30
					SURPLUS 2,960.52

Andaian bagi Pelan Rasionalisasi pada 17 Mac 2016 adalah seperti berikut:

- Nilai tahunan TRX meningkat kepada 5% p.a. (2017-2039)
- Penjualan tanah TRX, penjualan ekuiti dan penjualan bangunan bagi bayaran balik RM5 bilion sukuk
- Pinjaman SOCSO RM800 juta akan berada di TRX sebagai bayaran balik dari TRX *project cash-flows*
- Sebagai konservatif, di andaikan Pelan Rasionalisasi tiada bayaran dividen dari TRX 100% *ownership*
- Nilai tahunan Bandar Malaysia meningkat (2017-2023) kadar 5% p.a. bagi tahun 2017, 2018-2023 10% p.a.
- Bandar Malaysia 40% *stake* akan dipindahkan ke GLC atau GLIC menjelang tahun 2023. Terimaan pindahan bersama terimaan 60% *stake deferred payment* dan pulangan daripada *Air Itam Land JV* akan digunakan bagi tujuan bayaran balik USD3.0b 1MDB-GIL Bon.
- Sukuk RM2.4b Bandar Malaysia akan berada dalam Bandar Malaysia sebagai bayaran balik dari aliran tunai projek.
- Sebagai konservatif, diandaikan Pelan Rasionalisasi tiada bayaran dividen dari Bandar Malaysia 40% *stake*
- Suntikan tanah Air Itam ke dalam JV. Pembangunan tanah oleh rakan kongsi JV.
- Penjualan tanah Pulau Indah
- 2 x USD1.75 bilion = USD3.5 bilion bonds. Bon akan dikekalkan dalam Kunci Kira-kira dimana faedah dan prinsipal akan dibayar oleh IPC mengikut *Binding Term Sheet* semasa
- RM-USD Avg exchange rate p.a.: 2016: 4.3, 2017: 4.0, 2018: 3.8, 2019: 3.6, 2020-2022: 3.4
- Pinjaman kekal dalam Kunci Kira-kira 1MDB: Sukuk RM5 bilion, USD3.0 bilion dan 2 x USD1.75 bilion bon. *Servicing of the debt will be from matching cashflows*
- Sebarang kekurangan pada andaian diatas akan tanggung dari keuntungan

7. TADBIR URUS KORPORAT DAN KAWALAN DALAMAN

Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan teratur. Antara kepentingan mewujudkan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman yang baik adalah bagi memastikan syarikat diuruskan mengikut undang-undang dan nilai-nilai etika perniagaan yang baik. Elemen kawalan yang baik dapat memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam memastikan syarikat mendapat keuntungan yang kompetitif di samping pengurusan risiko yang berkesan.

Akta Syarikat 1965 antaranya menyatakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh syarikat bagi memastikan amalan baik dalam tadbir urus korporat dan kewangan. Di samping itu, panduan yang dikeluarkan oleh *Putrajaya Committee on High Performance GLC* melalui *Green Book: Enhancing Board Effectiveness (Green Book)* dan *Blue Book: Intensifying Performance Management Practice (Blue Book)* serta *Malaysian Code on Corporate Governance 2012 (MCCG 2012)* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti telah memperincikan prinsip asas dan cadangan tindakan berkaitan pengurusan yang baik dalam tadbir urus korporat. Oleh demikian, garis panduan ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan terbaik bagi perkara penting dalam urusan dan budaya sesuatu perniagaan. Kegagalan untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat ini boleh mendedahkan syarikat kepada risiko kerugian dan ketidakcapaian matlamat dan objektif syarikat.

1MDB adalah sebuah syarikat Kerajaan Milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat MKD, 1MDB telah diberi keistimewaan dan kelonggaran berbanding dengan syarikat-syarikat kerajaan yang lain di bawah MKD.

Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Tiada wakil pemegang saham dalam Lembaga Pengarah 1MDB.
- b. Pengecualian cukai korporat terhadap semua pendapatan bagi syarikat dan beberapa subsidiarinya untuk tempoh 10 tahun mulai 23 November 2010.
- c. Pengecualian beberapa peraturan Kerajaan dalam pengurusan perolehan, remunerasi dan pembayaran bonus kepada ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan 1MDB.
- d. Mendapat beberapa jaminan Kerajaan dan surat sokongan serta *standby credit* bagi membiayai operasi syarikat. Contohnya, mendapat jaminan tempoh 30 tahun bagi terbitan *Islamic Medium Term Notes* (IMTN) dengan nilai nominal RM5 bilion.

Oleh itu, kendalian operasi dan pelaburan syarikat ini sebenarnya tidak dikawal selia oleh MKD.

7.1 PELAKSANAAN TADBIR URUS KUMPULAN 1MDB

Semakan JAN mendapati secara keseluruhannya, aspek berkaitan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman 1MDB adalah kurang memuaskan. Adalah didapati sebahagian daripada tindakan pengurusan 1MDB dan keputusan oleh Lembaga Pengarah 1MDB tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat seperti diterangkan dalam perenggan-perenggan berikutnya.

7.1.1 KEPUTUSAN PELABURAN PENTING HANYA MELALUI RESOLUSI BERTULIS

Green Book menyarankan Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat secara puratanya dengan kekerapan enam hingga lapan kali setahun berdasarkan keperluan perniagaan sesuatu syarikat. Ahli Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus korporat diwujudkan dalam menguruskan

operasi syarikat dengan cekap dan teratur, termasuk bermesyuarat secara kerap bagi memantau pencapaian berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan petunjuk prestasi utama (KPI). Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap ahli Lembaga Pengarah dapat memberi pandangan, nasihat dan penjelasan yang profesional serta akses penuh terhadap perkara-perkara khusus dalam agenda mesyuarat.

Semakan JAN mendapati Lembaga Pengarah 1MDB telah bermesyuarat melebihi kekerapan purata yang disyorkan oleh *Green Book*, dengan bilangan mesyuarat dibuat lapan hingga 16 kali setahun bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Ogos 2015. Manakala analisis JAN mendapati Lembaga Pengarah 1MDB telah meluluskan sebanyak 425 resolusi bertulis bagi tempoh yang sama.

Walaupun mesyuarat Lembaga Pengarah ada dilaksanakan, semakan JAN mendapati sebahagian besar keputusan penting berhubung sesuatu pelaburan hanya diluluskan secara resolusi bertulis Lembaga Pengarah seperti membuat pelaburan baru, menamatkan pelaburan atau melanjutkan tempoh pelaburan yang melibatkan pelaburan bernilai antara USD1 bilion hingga USD2.22 bilion.

Ini menunjukkan perbincangan secara konstruktif antara Lembaga Pengarah dan penilaian secara terperinci terhadap sesuatu pelaburan tidak dilaksanakan sebelum sesuatu keputusan penting dibuat. Bagaimanapun, Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB telah memaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 19 Januari 2016 bahawa perbincangan ada dibuat terhadap sesuatu pelaburan sebelum kelulusan diberi melalui resolusi.

7.2 PELABURAN DIBUAT TANPA KAJIAN MENYELURUH

Seksyen 132 Akta Syarikat 1965 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah pada setiap masa melaksanakan kuasanya untuk membuat keputusan terbaik demi kepentingan syarikat. Selain itu, *Green Book* juga menyatakan Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengurus risiko dengan memastikan pihak pengurusan melaksanakan segala kajian yang diperlukan sebelum sesuatu pelaburan dimuktamadkan bagi mengurangkan risiko kegagalan pelaburan tersebut serta melindungi nilai syarikat mereka.

Temu bual JAN dengan mantan Ketua Eksekutif 1MBD dan beberapa Lembaga Pengarah 1MDB mendapati mereka berpendapat Jawatankuasa Pelaburan tidak perlu diwujudkan kerana bilangan keanggotaan Lembaga Pengarah 1MDB yang kecil dan semua pelaburan yang dibuat dibincang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah atau melalui resolusi Lembaga Pengarah. Ketiadaan Jawatankuasa Pelaburan telah menyumbang kepada keputusan pelaburan dibuat tanpa melalui proses penilaian yang teliti atau *proper due diligence*. Dalam tempoh empat tahun sejak penubuhan 1MDB pada tahun 2009 hingga 2012, pelaburan 1MDB dengan menggunakan dana awal melalui terbitan IMTN berjumlah RM5 bilion telah bertukar bentuk sebanyak empat kali daripada pelaburan ekuiti dalam usaha sama dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd., iaitu subsidiari PetroSaudi International Ltd. hinggalah kepada dana portfolio di Cayman Islands. Perubahan keputusan pelaburan dalam tempoh yang singkat melibatkan jumlah dana yang besar menunjukkan keputusan pelaburan tidak dilakukan mengikut amalan tadbir urus yang baik.

Analisis JAN mendapati beberapa pertimbangan berhubung keputusan pelaburan yang dibuat tanpa melalui proses penilaian yang teliti. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) IMTN telah diterbitkan dalam tempoh yang singkat kerana saranan penasihat khas TIA ketika itu bagi menyegerakan penerbitan IMTN dengan tujuan membangunkan Pulau Bidong melalui kerjasama syarikat Mubadala pada tahun 2009. Selain itu, IMTN diterbitkan tanpa mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh

Lembaga Pengarah TIA terlebih dahulu. Terbitan IMTN dengan kadar diskaun pada 12.08% menjadikan setiap RM100 nilai nominal bersamaan RM87.92 dan menghasilkan terimaan bersih berjumlah RM4.385 bilion berbanding nilai nominal RM5 bilion. Selain itu, kadar keuntungan yang diberi kepada pelabur adalah 5.75% setahun (kadar pulangan efektif 6.68% setahun) untuk tempoh 30 tahun.

- b) Keputusan pelaburan usaha sama dengan PetroSaudi dibuat dalam tempoh lapan hari di mana Lembaga Pengarah hanya dimaklumkan pada 18 September 2009 berkenaan tarikh perjanjian usaha sama tersebut yang akan dimeterai pada 28 September 2009. Pelaburan 1MDB berjumlah USD1 bilion dalam usaha sama ini dibuat tanpa proses *due diligence*; tiada butiran terperinci berkaitan projek dinyatakan dalam kertas cadangan yang disediakan oleh pengurusan; dan tiada kajian kemungkinan dijalankan terhadap projek pelaburan yang akan dilaksanakan. Aspek projek yang tidak dikaji secara terperinci sebelum kelulusan pelaburan adalah semakan latar belakang rakan usaha sama, jumlah kos keseluruhan projek dan tempoh pelaburan yang akan dilaksanakan. Terdapat empat syarikat berbeza yang didaftarkan dengan menggunakan asas nama PetroSaudi tetapi kertas cadangan kelulusan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah tidak menyatakan maklumat-maklumat penting tersebut. Di samping itu, perjanjian usaha sama pula mengandungi beberapa klausa yang tidak menjaga kepentingan 1MDB.
- c) Keputusan menukarkan ekuiti dalam syarikat usaha sama kepada langganan Nota Murabahah dibuat tanpa perbincangan terperinci antara Lembaga Pengarah 1MDB dan tanpa menilai keupayaan kredit PetroSaudi International Ltd. sebagai penjamin korporat bagi terbitan Nota Murabahah pada tahun 2010 dan 2011 oleh 1MDB PetroSaudi Ltd. Tiada justifikasi untuk 1MDB membuat langganan tambahan Nota Murabahah sedangkan dana bagi membiayai pelaburan tersebut juga diperolehi melalui pinjaman daripada institusi kewangan.

- d) Penukaran Nota Murabahah kepada pelaburan ekuiti dalam PetroSaudi Oil Services Limited (PSOSL) pula dibuat tanpa kajian *due diligence* untuk mengenal pasti liabiliti, keupayaan menjana dana dan prestasi kewangan yang lepas. Pertimbangan pelaburan ini tidak mengambil kira kepentingan 1MDB kerana pihak pengurusan tetap meneruskan cadangan pelaburan dalam PSOSL walaupun mengetahui PSOSL beroperasi di perairan Venezuela yang dikenakan sekatan oleh Amerika Syarikat. Arahan Lembaga Pengarah 1MDB untuk memastikan PSOSL mendapat pelanjutan kontrak penggerudian di Venezuela juga tidak dilaksanakan oleh pihak pengurusan sebelum pelaburan dibuat.
- e) Bagi pelaburan dalam *Segregated Portfolio Company (SPC)*, 1MDB mengambil risiko yang tinggi dalam memutuskan pelaburan berjumlah USD2.318 bilion. Pelaburan ini telah dibuat melalui Bridge Global Absolute Return Fund SPC (Bridge Global SPC), iaitu syarikat yang baru sebulan ditubuhkan, tiada lesen sebagai pengurus dana dan tiada pengalaman untuk menguruskan dana yang besar.
- f) Perolehan saham Tanjong Energy Holding Sdn. Bhd. dengan harga bidaan berjumlah RM10.60 bilion pada 8 Februari 2012 telah dibuat tanpa pertimbangan terperinci berhubung kaedah pembiayaan, kos pinjaman dan komitmen yang perlu ditanggung oleh 1MDB bagi perolehan tersebut.
- g) Bagi perolehan saham Mastika Legenda Sdn. Bhd. yang diluluskan melalui resolusi bertarikh 10 Ogos 2012 dengan harga sehingga RM2.75 bilion, kertas cadangan yang disediakan oleh pihak pengurusan 1MDB didapati tidak mengandungi andaian pengurusan yang sepatutnya diambil kira dalam membuat keputusan. Antaranya adalah asas dan komponen penentuan harga perolehan/*entreprise value* sehingga RM2.75 bilion; sasaran pulangan daripada pelaburan dan keupayaan membayar prinsipal dan kos pinjaman dalam tempoh yang dijangkakan; huraian terperinci mengenai

penggunaan lebih penerimaan tunai dari pinjaman dan terbitan Nota USD1.75 bilion berbanding harga perolehan; dan implikasi tawaran “10-years call and swap option” kepada SPV Aabar (subsidiari IPIC) terhadap IPO dan prestasi kewangan Kumpulan 1MDB secara keseluruhan.

- h) Bagi projek solar, Lembaga Pengarah 1MDB dalam mesyuarat pada 26 Mac 2014 telah meluluskan *unincorporated Master Joint Venture Agreement* dengan DuSable tanpa pertimbangan terperinci berhubung isu sekatan teknologi dari negara lain, kos dan manfaat jangka panjang yang akan diperolehi 1MDB.
- i) Selain itu, analisis JAN mendapati beberapa keputusan berkaitan pinjaman/pembiayaan untuk pelaburan telah dibuat tanpa perancangan terperinci. Antaranya adalah seperti berikut:
 - i. Implikasi jaminan yang diberikan oleh IPIC terhadap terbitan Nota USD1.75 bilion (yang pertama) merangkumi *call and swap option* dan *security deposit* tidak dibuat kajian secara terperinci mengenai kesannya terhadap IPO dan kedudukan kewangan Kumpulan 1MDB.
 - ii. Kumpulan 1MDB telah memperoleh 10 pinjaman/pembiayaan jangka pendek antara 15 hingga 48 bulan bagi membiayai perolehan aset sektor tenaga yang bersifat jangka panjang. Ini menyebabkan Kumpulan 1MDB terpaksa mengambil pinjaman/pembiayaan baru untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan jangka pendek yang matang.
 - iii. Pelaksanaan IPO ditangguhkan kerana ingin memperoleh projek baru bagi menambah nilai IPO tanpa membuat unjuran keupayaan sebenar syarikat untuk membayar balik prinsipal dan kos pinjaman yang matang dalam tempoh terdekat dan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pembiaya.

7.3. TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN TANPA KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH

Pihak pengurusan bertanggungjawab melaksanakan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dengan sebaik yang mungkin. Manakala Ahli Lembaga Pengarah pula berperanan untuk memantau segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Bagaimanapun, JAN mendapati kebanyakan tindakan pengurusan 1MDB hanya dijustifikasi oleh kelulusan am yang sepatutnya diberikan kelulusan khusus oleh Lembaga Pengarah 1MDB bagi setiap pelaburan. Analisis JAN terhadap dokumen-dokumen 1MDB mendapati beberapa tindakan pihak pengurusan dibuat tanpa kelulusan khusus atau perbincangan terperinci dengan Lembaga Pengarah 1MDB. Antaranya adalah seperti berikut:

- 7.3.1. Pengurusan 1MDB tidak memaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB berkenaan surat cadangan usaha sama daripada Encik Tarek Obaid bertarikh 28 Ogos 2009 dan terma yang dicadangkan berhubung projek usaha sama yang akan dipersetujui antara 1MDB dan PetroSaudi International Ltd. Antara terma cadangan adalah berkenaan penetapan nisbah pegangan, penyaluran tunai USD1 bilion, nilai aset, *goodwill* dan jangkaan keuntungan dalam syarikat usaha sama yang dicadangkan.
- 7.3.2. Lembaga Pengarah 1MDB tidak diterangkan secara jelas berkenaan rakan kongsi projek usaha sama dan perkaitan antara tiga syarikat, iaitu PetroSaudi International Ltd. (Saudi), PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd., dan PetroSaudi International (Cayman). Lembaga Pengarah 1MDB telah memberi kelulusan bersyarat kepada pengurusan 1MDB untuk melaksanakan usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd. tetapi perjanjian sebenar telah ditandatangani dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd., tanpa dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB berhubung pertukaran rakan kongsi ini. PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. adalah sebuah syarikat baru yang ditubuh oleh PetroSaudi International Ltd. untuk tujuan usaha sama tersebut.

- 7.3.3. Penubuhan 1MDB PetroSaudi Ltd. yang kemudiannya dijadikan syarikat usaha sama telah didaftarkan lebih awal oleh PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. pada 18 September 2009, iaitu lapan hari sebelum kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB diperolehi secara bersyarat pada 26 September 2009. Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan syarikat tersebut (1MDB PetroSaudi Ltd.) telah ditubuhkan pada 18 September 2009, iaitu pada tarikh cadangan pertama dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Ini menunjukkan pengurusan 1MDB telah memutuskan untuk menjalinkan kerjasama dengan PetroSaudi International Ltd. lebih awal tanpa makluman Lembaga Pengarah.
- 7.3.4. Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan adanya klausa dalam perjanjian usaha sama yang menyatakan syarikat usaha sama (1MDB PetroSaudi Ltd.) perlu membayar pinjaman USD700 juta yang diambil daripada syarikat induknya, PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. pada atau sebelum 30 September 2009, iaitu dua hari selepas perjanjian ditandatangani. Temu bual pihak JAN dengan bekas Lembaga Pengarah 1MDB pada bulan Jun 2015 mendapati pinjaman dalam bentuk pendahuluan ini tidak pernah dibentangkan atau dibincangkan oleh pihak pengurusan 1MDB sebelum projek usaha sama tersebut dimuktamadkan.
- 7.3.5. Kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB juga tidak diperolehi bagi membuat bayaran USD700 juta daripada USD1 bilion pelaburan untuk disalurkan ke dalam akaun milik syarikat lain bagi membayar pinjaman pendahuluan tersebut. *Correspondance emails* antara peguam kedua-dua syarikat pada 30 September 2009 mempersoalkan surat meminta pembayaran balik pendahuluan USD700 juta yang menggunakan *letterhead* PetroSaudi International Ltd, sedangkan yang memberi pendahuluan tersebut ialah PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd.
- 7.3.6. Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan tentang pemilihan Edward L. Morse sebagai jurunilai untuk melaksanakan penilaian

bebas terhadap aset hidrokarbon milik PetroSaudi International Ltd. dan subsidiarinya walaupun pengurusan 1MDB telah memulakan rundingan terma pelantikan jurunilai berkenaan. Ini dibuktikan melalui surat terma pelantikan daripada jurunilai tersebut yang bertarikh 20 September 2009 meskipun Lembaga Pengarah 1MDB hanya mengarahkan pelantikan jurunilai profesional bebas untuk menilai aset syarikat usaha sama semasa mesyuarat pada 26 September 2009 sebagai salah satu syarat kelulusan untuk meneruskan projek usaha sama tersebut. Laporan penilaian oleh Edward L. Morse dikeluarkan pada 29 September 2009 dan surat rundingan terma pelantikan jurunilai tersebut juga ditandatangani setuju oleh Encik Shahrol Azral pada tarikh yang sama, iaitu sehari selepas perjanjian usaha sama ditandatangani. Pengurusan 1MDB tidak memaklumkan berhubung pelantikan Edward L. Morse kepada Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat berkenaan. Selain itu, dengan mengambil kira kompleksiti aset yang dinilai, laporan penilaian dapat disediakan dalam tempoh lapan hari dari tarikh surat rundingan terma.

- 7.3.7. Kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham 1MDB untuk menukar Nota Murabahah kepada ekuiti PSOSL hanya ditandatangani pada 20 Jun 2012 tetapi Encik Shahrol Azral telah menandatangani lima dokumen berkaitan dengan perolehan tersebut pada 1 Jun 2012. Ini menunjukkan keputusan untuk melupuskan Nota Murabahah dan memperoleh 49% pegangan ekuiti dalam PSOSL telahpun dilaksanakan lebih awal oleh Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB.
- 7.3.8. Permohonan penangguhan pembayaran *syndicated bridging loan* RM6.17 bilion daripada Maybank Investment Bank Bhd. terhadap pinjaman bagi perolehan saham Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. (TEHSB) telah dibuat pada 22 November 2013 sedangkan kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB hanya diperolehi pada 13 Disember 2013.

- 7.3.9. *Credit enhancement* (security deposit) berjumlah USD1.367 bilion (RM4.468 bilion) bagi terbitan dua Nota USD1.75 bilion untuk membiayai perolehan sektor tenaga Kumpulan 1MDB telah dibayar kepada Aabar Ltd. pada 22 Mei 2012 dan 19 Oktober 2012 tanpa kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah 1MDB.
- 7.3.10. *Settlement Agreement* bagi penamatan opsiyen menyatakan *refundable deposit* berjumlah USD300 juta perlu dibayar kepada Aabar Ltd. pada 30 September 2014 dan bakinya pula perlu dijelaskan selepas 45 hari IPO dilaksanakan. Bagaimanapun, pada bulan November 2014, pihak pengurusan telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB bahawa sejumlah USD993 juta telah dibayar, iaitu melebihi jumlah yang ditetapkan dalam perjanjian tanpa mendapat kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB terlebih dahulu.
- 7.3.11 Perjanjian *Credit Enhancement* dan *Settlement Agreement* telah pun ditandatangani dengan pihak Aabar Ltd. Akan tetapi buat masa ini, pihak 1MDB masih belum mengemukakan sebarang pengesahan bahawa syarikat Aabar Ltd merupakan anak syarikat kepada IPIC atau Aabar Investment PJS (Abu Dhabi).
- 7.3.12 1MDB telah mengemukakan *Certificate of Incumbency* yang dikeluarkan oleh *Offshore Incorporations Limited* untuk membuktikan bahawa Aabar Ltd adalah anak syarikat IPIC. Syarikat *Offshore Incorporations Limited* beroperasi di Hong Kong merupakan ejen yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran syarikat di BVI. JAN mendapati Aabar Ltd tidak tersenarai dalam kumpulan IPIC berdasarkan penyata kewangan 2013 dan 2014.
- 7.3.13 Pihak JAN tidak dapat mengesahkan bayaran USD855 juta, USD993 juta dan USD295 juta adalah sebagai bayaran penamatan opsiyen dan/atau *top up security deposit* kepada Aabar Ltd. Oleh kerana dokumen sokongan yang tidak lengkap dikemukakan oleh 1MDB kepada pihak JAN.

- 7.3.14 Proses pengurusan dan penebusan pelaburan portfolio SPC dirangkumi beberapa keadaan di mana Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan maklumat yang tepat atau pengurusan tidak telus dalam memberi maklumat kepada Lembaga Pengarah. Antaranya, pihak pengurusan 1MDB tidak dimaklumkan hasil penebusan pelaburan portfolio SPC yang dipegang oleh Brazen Sky Limited telah dicagarkan kepada Deutsche Bank; Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan bayaran sebenarnya untuk opsiyen Aabar dibuat menggunakan hasil penebusan pelaburan portfolio SPC; dan Lembaga Pengarah 1MDB hanya dimaklumkan jumlah sebenar dibayar untuk opsiyen Aabar setelah bayaran dibuat. *Asset Sale Agreement* yang ditandatangani pada 2 Januari 2015 di mana Aabar Investments PJS Limited bersetuju untuk membeli baki pelaburan portfolio SPC berjumlah USD939.87 juta daripada Brazen Sky Ltd. juga tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham 1MDB. Ini menunjukkan pihak pengurusan telah bertindak di luar arahan Lembaga Pengarah 1MDB yang mengkehendaki baki pelaburan portfolio SPC ditebus sebelum akhir bulan Disember 2014 dan hasilnya dibawa balik ke Malaysia.
- 7.3.15 JAN tidak dapat mengesahkan baki pelaburan portfolio SPC berjumlah USD939.87 juta kerana 1MDB tidak mengemukakan dokumen kewangan yang lengkap. Walau bagaimanapun, juruaudit 1MDB telah mengesahkan baki pelaburan portfolio SPC berkenaan.
- 7.3.16 Keputusan mencagarkan keseluruhan pelaburan portfolio SPC berjumlah USD2.318 bilion kepada Deutsche Bank sebagai jaminan terhadap pinjaman berjumlah USD975 juta hanya dimaklumkan oleh Encik Azmi Tahir, Ketua Pegawai Kewangan 1MDB semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 20 Disember 2014, menunjukkan keputusan dibuat tanpa kelulusan khusus dari Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah 1MDB juga berpendapat tindakan mencagarkan keseluruhan pelaburan portfolio SPC adalah tindakan tidak munasabah memandangkan jumlah pinjaman hanya USD975 juta berbanding cagaran USD2.318 bilion.

7.3.17. Tindakan pihak pengurusan yang bercanggah dengan arahan Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham adalah seperti dijadual-jadual berikut:

JADUAL 15

TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN YANG BERCANGGAH DENGAN ARAHAN LEMBAGA PENGARAH/PEMEGANG SAHAM

AKTIVITI	KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH/PEMEGANG SAHAM	TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN
Penangguhan terbitan IMTN.	Resolusi Lembaga Pengarah TIA bertarikh 22 Mei 2009 menamatkan dan menggantung semua urusan berkaitan terbitan IMTN, dan menggantung kuasa Ketua Pegawai Eksekutif berhubung IMTN.	<ul style="list-style-type: none"> • Terbitan IMTN diteruskan, di mana Encik Shahrol Azral telah menandatangani Perjanjian Langganan IMTN dengan AmBank pada 25 Mei 2009 (iaitu tiga hari selepas arahan penggantungan), dan menandatangani Perjanjian Aqad dan Perjanjian Jual & Beli pada 26 Mei 2009.
Pengguguran Encik Shahrol Azral sebagai pengarah TIA.	Resolusi pemegang saham TIA bertarikh 27 Mei 2009 yang ditandatangani oleh Menteri Besar Terengganu telah menggugurkan Encik Shahrol Azral sebagai pengarah syarikat.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Ismee dan Encik Shahrol Azral sebagai Lembaga Pengarah TIA telah bertindak membatalkan arahan pemegang saham tersebut melalui resolusi Lembaga Pengarah pada tarikh yang sama, iaitu 27 Mei 2009.
Tiga pengarah dilantik sebagai wakil 1MDB dalam syarikat usaha sama, 1MDB PetroSaudi Ltd.	Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 18 September 2009 dan 26 September 2009 telah memutuskan supaya tiga pengarah dilantik dan dua daripadanya mempunyai kelayakan profesional atau pengalaman dalam sektor bersesuaian sebagai wakil 1MDB dalam syarikat usaha sama dengan PetroSaudi.	<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian usaha sama bertarikh 28 September 2009 menyatakan 1MDB layak melantik dua orang pengarah dalam komposisi Lembaga Pengarah syarikat usaha sama. Ini menunjukkan pengurusan 1MDB tidak mematuhi arahan Lembaga Pengarah untuk melantik tiga wakil dalam syarikat usaha sama.
Bentuk sumbangan dalam syarikat usaha sama, 1MDB PetroSaudi Ltd.	Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 18 September 2009 memutuskan PetroSaudi menyumbang bahagian usaha sama melalui 50% dalam bentuk wang tunai (atau sekurang-kurangnya USD1 bilion) dan 50% lagi dalam bentuk aset kepada syarikat usaha sama.	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan 1MDB tidak mengikut arahan Lembaga Pengarah sebaliknya bersetuju dengan cadangan seperti dalam surat Tarek Obaid bertarikh 28 Ogos 2009, iaitu sumbangan bahagian PetroSaudi dalam bentuk 100% aset dan bukannya tunai.
Pindahan USD1 bilion ke akaun bank syarikat usaha sama.	Lembaga Pengarah 1MDB pada mesyuarat bertarikh 26 September 2009 telah meluluskan pemindahan USD1 bilion ke akaun bank	<ul style="list-style-type: none"> • Pada 30 September 2009, sejumlah USD300 juta dipindahkan ke akaun 7619400 di J.P. Morgan (Suisse) SA, iaitu bank 1MDB PetroSaudi Ltd. tetapi bakinya sejumlah USD700 juta pula dipindahkan pada tarikh

AKTIVITI	KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH/ PEMEGANG SAHAM	TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN
	syarikat usaha sama untuk tujuan langganan 1 bilion saham dalam 1MDB PetroSaudi Ltd.	yang sama ke akaun 11116073 di RBS Coutts Bank Ltd., milik sebuah syarikat lain yang tidak terlibat dengan projek usaha sama ini.
Pembukaan akaun bank untuk syarikat usaha sama, 1MDB PetroSaudi Ltd.	Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 25 September 2009 meluluskan pembukaan akaun BSI SA, Geneva.	<ul style="list-style-type: none"> Keputusan menukar akaun bank daripada akaun BSI SA, Geneva kepada JP Morgan (Suisse) Geneva dibuat melalui resolusi bertarikh 30 September 2009. Lembaga Pengarah 1MDB membangkitkan perkara ini dilakukan tanpa pengetahuan mereka dalam mesyuarat pada 3 Oktober 2009. Temu bual JAN dengan beberapa mantan Lembaga Pengarah 1MDB mendapati mereka tidak menyedari kewujudan resolusi ini walaupun tandatangan mereka ada pada dokumen tersebut.
Status pemilikan aset syarikat usaha sama, 1MDB PetroSaudi Ltd.	Arahan Lembaga Pengarah 1MDB pada 26 September 2009 supaya melantik jurunilai profesional bebas untuk menilai aset syarikat usaha sama.	<ul style="list-style-type: none"> Perjanjian usaha sama bertarikh 28 September 2009 menyatakan aset syarikat usaha sama adalah aset yang dipindahkan daripada PetroSaudi International Cayman kepada 1MDB PetroSaudi Ltd. Tetapi laporan penilaian aset oleh Edward L. Morse bertarikh 29 September 2009 adalah terhadap aset milik PetroSaudi International Ltd. Syarikat-syarikat ini adalah entiti yang berbeza. Laporan penilaian juga tidak dapat mengesahkan aset yang dimiliki oleh Petro Saudi Turkmenistan 1 Ltd. (syarikat Jersey) dan Petro Saudi Ltd. Inc. (syarikat Panama). Ini menimbulkan persoalan terhadap pemilikan sebenar aset syarikat usaha sama 1MDB PetroSaudi Ltd.
Penilaian kedua terhadap aset usaha sama.	Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 3 Oktober 2009 dan pada 10 Oktober 2009 mengarahkan pihak pengurusan melantik perunding/jurunilai bebas untuk membuat penilaian kedua terhadap aset syarikat usaha sama.	<ul style="list-style-type: none"> Encik Shahrol Azral memaklumkan Pengerusi Lembaga Penasihat tidak bersetuju dengan cadangan ini dan mengarahkan Lembaga Pengarah 1MDB melantik satu perunding bagi menilai pemilikan syarikat usaha sama. Namun, tiada dokumen yang membuktikan penilaian kedua atau pelantikan perunding seperti arahan Lembaga Pengarah/pemegang saham 1MDB telah dilaksanakan.
Perjanjian Pembiayaan Murabahah antara 1MDB dan 1MDB PetroSaudi Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB Bil. 17/2011 menunjukkan tarikh kuat kuasa perjanjian adalah pada 14 Jun 2010. 	<ul style="list-style-type: none"> Surat Representasi Pengurusan yang dikeluarkan oleh 1MDB pada 4 Oktober 2010 yang ditandatangani oleh Encik Shahrol Azral menyatakan <i>Share Sale Agreement</i> telah dimeterai pada 31 Mac 2010.

AKTIVITI	KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH/ PEMEGANG SAHAM	TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB Bil. 25A/2012 menyatakan tarikh Perjanjian Pembiayaan Murabahah sebagai 14 Jun 2010. • Notis Pengeluaran (Notice of Drawing) bertarikh 12 Mei 2011 yang dikeluarkan oleh 1MDB PetroSaudi Ltd. kepada 1MDB yang ditandatangani oleh Encik Tarek Obaid menunjukkan dokumen Perjanjian Pembiayaan Murabahah bertarikh 14 Jun 2010. • Resolusi pemegang saham 1MDB PetroSaudi Ltd. bagi saham yang dipegang oleh 1MDB juga bertarikh 14 Jun 2010. 	<ul style="list-style-type: none"> • Salinan Perjanjian Pembiayaan Murabahah menunjukkan bertarikh 31 Mac 2010.
Perolehan Ekuiti Mastika Lagenda Sdn. Bhd. (MLSB)	Lembaga Pengarah 1MDB melalui resolusi bertarikh 25 Julai 2012 menghendaki laporan/hasil penilaian aset, <i>due diligence</i> dan <i>red flags</i> yang disediakan oleh perunding dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.	Tiada rekod pembentangan semua laporan seperti yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah 1MDB dalam mesyuarat seterusnya.
Perolehan Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. (TEHSB).	Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 8 Februari 2012 yang meluluskan perolehan TEHSB mengkehendaki pengurusan 1MDB menyediakan analisis sensitiviti sekiranya nilai aset di luar negara diberi diskaun 50% serta menyediakan perbandingan terma <i>Power Purchase Agreement</i> aset di Malaysia dan luar negara.	Perjanjian jual beli saham TEHSB ditandatangani pada 2 Mac 2012 tanpa memastikan arahan Lembaga Pengarah 1MDB pada 8 Februari 2012 telah dilaksanakan.
Menebus semula dana portfolio SPC dan dibawa pulang ke Malaysia.	Lembaga Pengarah 1MDB dalam hampir setiap kali bermesyuarat sejak bulan Mei 2013 hingga Mei 2015 telah mengarahkan pihak pengurusan 1MDB untuk menebus semula pelaburan portfolio dalam SPC dan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tindakan serius diambil oleh pihak pengurusan 1MDB bagi tempoh bulan Mei 2013 hingga Ogos 2014 bagi melaksanakan arahan Lembaga Pengarah 1MDB untuk menebus keseluruhan pelaburan portfolio SPC. • Pemindahan wang hasil penebusan portfolio

AKTIVITI	KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH/ PEMEGANG SAHAM	TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN
	dibawa balik ke Malaysia.	SPC daripada Brazen Sky kepada 1MDB GIL tidak mematuhi arahan Lembaga Pengarah 1MDB supaya hasil penebusan portfolio SPC dibawa balik ke Malaysia. Pemindahan wang tersebut juga tidak dibentang untuk kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah 1MDB.
Status sebenar dana portfolio dalam SPC.	Semasa Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah 1MDB pada 12 Januari 2015, Encik Arul Kanda memaklumkan baki portfolio SPC USD939.87 juta telah ditebus dan dipegang dalam bentuk tunai sejak 31 Disember 2014.	Beberapa fakta dan kenyataan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB, kenyataan akhbar dan penerangan kepada pihak JAN yang menimbulkan persoalan mengenai penebusan baki portfolio SPC berjumlah USD939.87 juta.
Penggunaan peruntukan oleh Kerajaan untuk kos penempatan semula PUKL.	Kerajaan bersetuju untuk menanggung sebahagian kos pembangunan bagi penempatan semula berjumlah RM1.117 bilion manakala 1MDB akan menanggung sejumlah RM1.60 bilion mengikut Perjanjian Penempatan Semula Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur (PUKL) bertarikh 15 Jun 2011.	Sehingga bulan Mei 2015, Kerajaan telah menyalurkan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM1.117 bilion. Bagaimanapun, sejumlah RM288 juta telah didahulukan kepada 1MDB dan tidak digunakan sepenuhnya bagi membiayai kos penempatan semula PUKL seperti tujuan sebenar peruntukan tersebut diberikan oleh Kerajaan.
Penggunaan pinjaman berjangka daripada Ambank (M) Berhad berjumlah RM550 juta.	<ul style="list-style-type: none"> • Resolusi Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 3 Disember 2013 telah memberi persetujuan kepada 1MDB RE untuk menerima kemudahan pinjaman berjangka daripada Ambank (M) Berhad berjumlah RM550 juta dengan kadar faedah tahunan 5.09%. • Tujuan pinjaman ini bagi membiayai sebahagian kos pembinaan kemudahan penggantian dari PUKL ke tapak penempatan semula, serta sebahagian perbelanjaan awal dan mobilisasi berkaitan kos infrastruktur projek TRX. 	Penyata bank 1MDB RE bagi bulan Januari 2014 menunjukkan sejumlah RM550 juta daripada pinjaman berjangka telah dimasukkan ke akaun 1MDB RE pada 7 Januari 2014. Bagaimanapun, pada tarikh yang sama, kesemua jumlah tersebut telah dipindahkan kepada 1MDB. Walhal, pinjaman tersebut sepatutnya digunakan sepenuhnya bagi kos penempatan semula PUKL untuk projek Bandar Malaysia dan projek TRX.
Terbitan Nota USD3 bilion untuk	• 1MDB melalui subsidiarinya, 1MDB	Terbitan Nota USD3 bilion ini tidak disalurkan langsung untuk pembangunan projek TRX,

AKTIVITI	KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH/ PEMEGANG SAHAM	TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN														
<p>projek pembangunan TRX.</p>	<p>Global Investments Ltd. (1MDB GIL) telah menerbitkan Nota USD3 bilion pada 19 Mac 2013 dengan surat sokongan Kementerian Kewangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nota ini diterbitkan bagi tujuan modal permulaan untuk pelaburan dalam Abu Dhabi Malaysia Investment Company Ltd. (ADMIC), iaitu syarikat usaha sama antara 1MDB dan Aabar Investments PJS, serta untuk tujuan korporat am. • Penyata kewangan 1MDB GIL bagi tahun 2014 menyatakan ADMIC adalah syarikat usaha sama yang ditubuhkan untuk membangunkan projek TRX. 	<p>sebaliknya digunakan bagi perbelanjaan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="846 363 1308 768"> <thead> <tr> <th data-bbox="846 363 1114 401">BUTIRAN</th> <th data-bbox="1114 363 1308 401">USD Juta</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="846 401 1114 464">Pindahan kepada 1MDB</td> <td data-bbox="1114 401 1308 464">1,007.04</td> </tr> <tr> <td data-bbox="846 464 1114 522">Pindahan kepada 1MDB Energy Ltd.</td> <td data-bbox="1114 464 1308 522">24.85</td> </tr> <tr> <td data-bbox="846 522 1114 581">Pindahan kepada Brazen Sky Ltd.</td> <td data-bbox="1114 522 1308 581">1.50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="846 581 1114 640">Pelaburan di luar negara</td> <td data-bbox="1114 581 1308 640">1,581.43</td> </tr> <tr> <td data-bbox="846 640 1114 728">Derma kepada Yayasan Rakyat 1Malaysia</td> <td data-bbox="1114 640 1308 728">35.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="846 728 1114 768">JUMLAH</td> <td data-bbox="1114 728 1308 768">2,649.82</td> </tr> </tbody> </table>	BUTIRAN	USD Juta	Pindahan kepada 1MDB	1,007.04	Pindahan kepada 1MDB Energy Ltd.	24.85	Pindahan kepada Brazen Sky Ltd.	1.50	Pelaburan di luar negara	1,581.43	Derma kepada Yayasan Rakyat 1Malaysia	35.00	JUMLAH	2,649.82
BUTIRAN	USD Juta															
Pindahan kepada 1MDB	1,007.04															
Pindahan kepada 1MDB Energy Ltd.	24.85															
Pindahan kepada Brazen Sky Ltd.	1.50															
Pelaburan di luar negara	1,581.43															
Derma kepada Yayasan Rakyat 1Malaysia	35.00															
JUMLAH	2,649.82															
<p>Butiran lengkap cadangan dan bayaran opsyen Aabar.</p>	<p>Lembaga Pengarah 1MDB semasa mesyuarat pada 20 Disember 2014 meminta butiran lengkap mengenai bayaran penamatan opsyen Aabar dibentangkan dalam mesyuarat seterusnya.</p>	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 23 Februari 2015, Lembaga Pengarah 1MDB membangkitkan persoalan berkaitan bayaran penamatan opsyen Aabar yang hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB selepas bayaran dibuat.</p>														
<p>Pembatalan pengambilalihan ekuiti Tadmax Power.</p>	<p>Lembaga Pengarah 1MDB pada 20 Oktober 2014 bersetuju untuk tidak meneruskan pengambilalihan ekuiti dalam Tadmax Power susulan laporan <i>due diligence</i> terhadap tanah Pulau Indah, Selangor yang mendapati tanah tersebut tidak sesuai untuk dibangunkan sebagai loji jana kuasa arang batu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ivory Merge (subsidiari 1MDB) tidak mengambil tindakan seperti diputuskan oleh Lembaga Pengarah 1MDB. • Sejumlah RM34.44 juta telah dibayar dalam empat peringkat bayaran kepada Tadmax Resources sebelum laporan penilaian <i>due diligence</i> dibentang kepada Lembaga Pengarah 1MDB pada 20 Oktober 2014. 														
<p>Perolehan tanah Kuala Ketil Kedah.</p>	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 24 Mac 2015 telah meluluskan perolehan tanah seluas 260 ekar di Kuala Ketil Kedah untuk pembangunan perintis 50MW tenaga solar dengan balasan RM33.40 juta.</p>	<p>Perjanjian jual beli ditandatangani pada 27 Ogos 2015 untuk perolehan tanah tersebut dengan balasan RM65 juta. Tiada dokumen yang menunjukkan perbezaan harga perolehan berjumlah RM31.60 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah 1MDB.</p>														

JADUAL 16

SALAH NYATA MAKLUMAT ATAU MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT DIBERIKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH 1MDB

MAKLUMAT DIBERIKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH	SEMAKAN JAN
<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pengarah 1MDB telah diberi gambaran bahawa projek usaha sama dengan PetroSaudi merupakan urusan <i>Government to Government</i> (G2G) dalam mesyuarat pada 18 September 2009. Encik Casey Tang memaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB bahawa PetroSaudi International Ltd. dimiliki oleh Raja Abdullah dan Kerajaan Arab Saudi serta telah wujud sejak tahun 2000. 	<ul style="list-style-type: none"> Makluman oleh Encik Casey Tang ini diakui oleh beberapa ahli Lembaga Pengarah dan bekas Lembaga Pengarah 1MDB semasa temu bual pihak JAN bersama mereka pada bulan Jun 2015. Laman sesawang PetroSaudi International Ltd. menunjukkan ia hanya ditubuhkan pada tahun 2005, milik persendirian dan tiada maklumat menunjukkan kaitan pemilikan dengan Kerajaan Arab Saudi.
<ul style="list-style-type: none"> Surat Encik Tarek Obaid bertarikh 28 Ogos 2009 kepada YAB Perdana Menteri mengandungi cadangan penetapan nisbah pegangan, penyaluran tunai USD1 bilion, nilai aset dan <i>goodwill</i> dalam syarikat usaha sama. 	<ul style="list-style-type: none"> Semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 18 September 2009, Pengerusi Lembaga Pengarah menyatakan nisbah aset tunai terhadap syarikat usaha sama belum lagi dimuktamadkan. Pihak pengurusan sepatutnya memberi penerangan secara terperinci kepada Lembaga Pengarah 1MDB berhubung cadangan dalam surat Encik Tarek Obaid mengenai projek ini semasa mesyuarat 18 September 2009.
<ul style="list-style-type: none"> Dalam perjanjian usaha sama bertarikh 28 September 2009, PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. dirujuk dengan singkatan <i>PSIq</i> manakala <i>Written Resolution of the Sole Director of the Company</i> yang ditandatangani oleh Encik Tarek Obaid, merujuk PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. sebagai <i>PSHq</i> Kenyataan media 1MDB bertarikh 30 September 2009 mengumumkan termeterainya usaha sama antara 1MDB dan PetroSaudi International Ltd., yang dirujuk sebagai <i>PSIq</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Empat syarikat berbeza telah didaftarkan menggunakan asas nama <i>PetroSaudiq</i> iaitu: <ol style="list-style-type: none"> PetroSaudi International Ltd. ditubuhkan di Arab Saudi. PetroSaudi International ditubuhkan di Cayman Islands. PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. ditubuhkan di Cayman Islands. PetroSaudi International Ltd. ditubuhkan di Seychelles. Perjanjian usaha sama bertarikh 28 September 2009 ditandatangani dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Lembaga Pengarah 1MDB tidak menyedari bahawa <i>PSIq</i> dalam persetujuan usaha sama tersebut adalah merujuk kepada PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. Dalam kebanyakan kes, nama singkatan <i>PSIq</i> sentiasa dirujuk sebagai PetroSaudi International Ltd. (Arab Saudi). Ini menunjukkan bahawa nama singkatan <i>PSI</i> yang digunakan dalam perjanjian usaha sama seolah-olah untuk memberi gambaran

MAKLUMAT DIBERIKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH	SEMAKAN JAN
	bahawa PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd. adalah entiti yang sama dengan PetroSaudi International Ltd. (Arab Saudi).
<ul style="list-style-type: none"> Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 24 Julai 2010, Encik Shahrol Azral memaklumkan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat telah bersetuju untuk menyokong keputusan Lembaga Pengarah untuk membuat pelaburan dalam Projek GDF Suez SA. 	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan tentang syarat yang diberikan oleh Pengerusi Lembaga Penasihat semasa mesyuarat antara Encik Shahrol Azral dan Pengerusi Lembaga Penasihat pada 21 Julai 2010 supaya pihak pengurusan mesti menjalankan analisis risiko berkaitan pelaburan tersebut termasuk <i>legal and financial due diligence</i>.
<ul style="list-style-type: none"> Semasa mesyuarat pada 21 Jun 2012, Lembaga Pengarah 1MDB dimaklumkan terimaan daripada terbitan Nota USD1.75 bilion (yang pertama) digunakan untuk tujuan perolehan Tanjong, pembayaran faedah dan <i>consent fee</i> kepada OCBC sebagai syarat pembiayaan <i>Tranche 2 Syndicated Bridging Loan</i>. Baki selepas kegunaan tersebut berjumlah USD300 juta. 	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan tentang penggunaan sebenar terimaan Nota USD1.75 bilion (yang pertama) untuk membayar <i>arranger fee</i>, komisen kepada Goldman Sachs, <i>security deposit</i> dan perolehan Tanjong. Perolehan Tanjong dibayar sejumlah USD785.67 juta berbanding USD900 juta yang dimaklumkan. Sejumlah USD576.94 juta pula telah dibayar sebagai <i>security deposit</i> kepada Aabar Ltd. Baki selepas kegunaan tersebut berjumlah USD194.89 juta.
<ul style="list-style-type: none"> Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 12 Januari 2015, Encik Arul Kanda memaklumkan baki tunai USD939.87 juta telah ditebus dan dipegang dalam bentuk tunai sejak 31 Disember 2014. Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 3 Mac 2015, Encik Arul Kanda memaklumkan walaupun beliau telah mengarahkan Encik Azmi membayar penuh pinjaman Deutsche Bank berjumlah USD975 juta dengan menggunakan hasil penebusan portfolio SPC, Encik Azmi memaklumkan BSI Bank menolak penggunaan hasil penebusan pelaburan menerusi kaedah tersebut sehingga menerima <i>indemnity</i> yang sesuai daripada Deutsche Bank melepaskan BSI Bank daripada sebarang liabiliti berkaitan penggunaan dana dengan cara sedemikian. Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 24 Mac 2015, Encik Arul Kanda memaklumkan bahawa Encik Azmi telah menerangkan penebusan penuh pelaburan portfolio SPC telah berlaku pada awal bulan Januari 2015 dengan cara Aabar bersetuju membeli baki portfolio berjumlah USD939.87 juta daripada Brazen Sky untuk memudahkan proses penebusan pelaburan portfolio lebih awal daripada perancangan asal. Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB 	<ul style="list-style-type: none"> Beberapa pernyataan yang diberikan oleh pihak pengurusan 1MDB sejak 12 Januari 2015 hingga Mei 2015 memberi gambaran maklumat berubah-ubah mengikut situasi di mana baki portfolio SPC berjumlah USD939.87 juta yang pada awalnya dikatakan telah ditebus secara tunai tetapi kini dilaporkan masih dipegang sebagai unit pula. Perkembangan terakhir pada 25 Mei 2015 merupakan kali ketiga penebusan baki portfolio SPC bertukar bentuk.

MAKLUMAT DIBERIKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH	SEMAKAN JAN
<p>pada 23 April 2015, Encik Azmi memaklumkan bahawa baki sejumlah USD939.87 juta yang sepatutnya diterima daripada Aabar masih kekal dalam struktur dana portfolio SPC kerana Aabar belum mengesahkan bila pembayaran tersebut boleh dibuat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semasa mesyuarat pada 11 Mei 2015, Lembaga Pengarah 1MDB dimaklumkan bayaran bagi pengambilalihan Brazen Sky oleh Aabar masih belum diterima. • Semasa mesyuarat pada 25 Mei 2015, Lembaga Pengarah 1MDB dimaklumkan rundingan sedang berlangsung untuk Aabar mengambil alih sebahagian aset Kumpulan 1MDB bersama obligasi dua Nota USD berjumlah USD3.50 bilion. <i>Binding Term Sheet</i> beserta bayaran pendahuluan berjumlah USD1 bilion akan dimuktamadkan pada penghujung bulan Mei 2015. 	

JADUAL 17

SALAH NYATA MAKLUMAT ATAU MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT DIBERIKAN KEPADA JURUAUDIT / PENGGUNA PENYATA KEWANGAN

MAKLUMAT DIBERIKAN KEPADA JURUAUDIT LUAR/PENGGUNA PENYATA KEWANGAN	SEMAKAN JAN
<p>Tetuan KPMG diberikan <i>Share Sale Agreement</i> bertarikh 31 Mac 2010 yang menunjukkan penjualan semua pegangan ekuiti 1MDB dalam 1MDB PetroSaudi Ltd. melalui kaedah melanggan Nota Murabahah yang diterbitkan oleh 1MDB PetroSaudi Ltd. Bagaimanapun, Tetuan KPMG tidak diberikan resolusi pemegang saham 1MDB PetroSaudi Ltd. bertarikh 14 Jun 2010 berhubung Perjanjian Pembiayaan Murabahah.</p>	<p>Perjanjian Pembiayaan Murabahah diluluskan oleh pemegang saham 1MDB PetroSaudi Ltd. pada 14 Jun 2010 walaupun penyata kewangan berakhir 31 Mac 2010 menyatakan bahawa perjanjian ini ditandatangani pada 31 Mac 2010.</p>
<p>Tetuan KPMG tidak diberikan maklumat berkaitan <i>Call Option</i> kepada Aabar Investments PJS Ltd. (Aabar Ltd.) yang berlaku selepas tarikh penyata kewangan tahun 2012.</p>	<p>Maklumat penting tidak didedahkan dalam Nota Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan dalam penyata kewangan Kumpulan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2012 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Call option</i> yang diberi kepada Aabar Ltd. menerusi <i>Option Agreement</i> bertarikh 18 Mei 2012 bagi memperoleh 49% ekuiti dalam Powertek Investment Holdings Sdn. Bhd. (PIHSB). • <i>Call option</i> yang diberi kepada Aabar Ltd. menerusi <i>Option Agreement</i> bertarikh 17 Oktober 2012 bagi memperoleh 49% ekuiti dalam 1MDB Energy (Langat) Sdn. Bhd. • Jaminan korporat yang diberikan oleh IPIC kepada terbitan kedua Nota USD1.75 bilion oleh 1MDB Energy (Langat) Ltd. (1MELL).
<p>Pihak pengurusan 1MDB memaklumkan pihak JAN pada 9 September 2015 bahawa <i>physical payment</i> telah dibuat melalui akaun bank Brazen Sky Ltd. di BSI Bank bagi pihak <i>terminating company</i> kepada Aabar kerana 1MDB tidak mempunyai akaun bank di luar negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran penamatan opsyen Aabar didapati tidak berlaku melalui akaun bank Brazen Sky Ltd. Hasil penebusan dana portfolio SPC berjumlah USD1.392 bilion telah dimasukkan ke dalam akaun bank Brazen Sky Ltd. antara 11 September 2014 hingga 24 November 2014. • Pada tempoh yang hampir sama (12 September hingga 8 Disember 2014), sejumlah USD1.417 bilion telah dipindahkan kepada 1MDB Global Investments Ltd. (1MDB GIL).

8. RUMUSAN DAN CADANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

1MDB telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan Malaysia. Antara lain, 1MDB diilhamkan sebagai pemangkin pembangunan strategik untuk menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing ke dalam negara (FDI).

Pada tahap awal, 1MDB telah melaksanakan beberapa projek secara kerajaan kepada kerajaan+ (G-to-G), di mana 1MDB telah membina hubungan bersama beberapa syarikat dari timur tengah seperti Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu. Setelah itu, 1MDB telah menceburi bidang penjana kuasa elektrik dan hartanah, di mana usaha telah dibuat untuk membawa masuk pelabur asing dan FDI dari timur tengah, melalui memeterai memorandum persefahaman (*MOU*) dan usaha sama (*joint venture*).

Setelah diteliti, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati bahawa struktur pembiayaan modal dan prestasi kewangan Kumpulan 1MDB adalah kurang memuaskan. 1MDB bergantung kepada hutang (pinjaman bank, bon dan sukuk) sebagai modal syarikat, di mana sebahagian hutang tersebut telah mendapat jaminan kerajaan atau surat sokongan kerajaan. Hutang tersebut bermula pada tahap RM5 bilion pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM42 bilion, berbanding aset sebanyak RM51 bilion, pada tahun kewangan berakhir 31.03.2014, di mana 1MDB membelanjakan sebanyak RM2.4 bilion untuk pembayaran faedah ke atas hutang. Pada Januari 2016, hutang 1MDB mencecah RM50 bilion, berbanding aset RM53 bilion, di mana 1MDB membelanjakan sebanyak RM3.3 bilion untuk pembayaran faedah ke atas hutang antara 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015 (anggaran yang belum diaudit). Adalah jelas bahawa tahap hutang dan pembayaran faedah terlalu tinggi berbanding dengan aliran tunai syarikat. Oleh itu, 1MDB bergantung kepada pembiayaan semula (*refinance*) untuk pembayaran balik hutang matang dan juga mengambil hutang baru untuk, antara lain, pembayaran faedah hutang sebelumnya.

Setelah beroperasi selama lima tahun, 1MDB menghadapi masalah ketidakseimbangan aliran tunai pada November 2014. Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah pada masa itu sedang bergantung kepada tawaran saham awam permulaan (IPO) syarikat milik penuh 1MDB, Edra Energy Berhad, untuk menjana dana, yang akan digunakan untuk pembayaran balik hutang dan pembayaran faedah. Namun demikian, IPO tersebut tidak dapat dilaksanakan sebab faktor dalaman syarikat dan faktor luaran. Berikutan itu, kerugian pertama syarikat sebanyak RM665 juta yang diumumkan pada November 2014 telah menyebabkan keyakinan terhadap syarikat telah terhakis. Susulan itu, 1MDB tidak dapat membiayai semula (*refinance*) hutang sebanyak RM2 bilion yang hampir matang pada masa tersebut.

Model perniagaan 1MDB terlalu bergantung kepada pinjaman dan ini amat membebankan syarikat dan tidak mampan kerana syarikat tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membiayai pinjaman dan kos operasinya.

PAC mendapati bahawa kerajaan telah mengambil langkah serta-merta untuk memperbaiki masalah aliran tunai syarikat yang mula timbul pada November 2014. Pada bulan Januari 2015, pengurusan tertinggi baru telah dibawa masuk selepas itu, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah menumpukan perhatian yang serius untuk menyelesaikan masalah syarikat. Suatu kajian strategik telah dilaksanakan dan rumusan dibentangkan pada Februari 2015. Susulan itu, 1MDB dan MKD telah membentangkan pelan rasionalisasi kepada Jemaah Menteri pada 29 Mei 2015.

Sebagai sebuah syarikat kerajaan, 1MDB seharusnya mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus amalan terbaik (*best practice*). Setelah meneliti laporan akhir Jabatan Audit Negara dan prosiding PAC, PAC mendapati bahawa beberapa amalan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB yang menjurus kepada kelemahan tadbir urus. Sebagai contoh, pihak pengurusan beberapa kali tidak mematuhi keputusan dan arahan Lembaga Pengarah ataupun mengambil tindakan sebelum kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah. Terdapat beberapa pelaburan dan pinjaman besar yang dibuat tanpa penilaian terperinci (termasuk penelitian impak terhadap aliran tunai syarikat) dan beberapa keputusan besar telah dibuat melalui resolusi

bertulis, berasaskan perbincangan pada mesyuarat sebelumnya. Pihak Lembaga Pengarah terlalu bergantung kepada dan seringkali menerima penjelasan pihak pengurusan, tanpa mendalami isu-isu yang berbangkit.

Sesungguhnya, pengalaman yang dilalui oleh 1MDB telah mendapat perhatian umum dan antarabangsa dengan begitu meluas. Ini adalah satu pengajaran kepada semua syarikat GLC negara ini tentang pentingnya tadbir urus yang cekap dan berintegriti diamalkan. Pengalaman ini juga relevan kepada kerajaan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

PAC berpendapat bahawa:

1. 1MDB seharusnya mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik seperti panduan yang dikeluarkan oleh *Putrajaya Committee on High Performance GLC* melalui *Green Book: Enhancing Board Effectiveness* dan *Blue Book: Intensifying Performance Management Practices*.
2. Penggunaan hutang yang berlebihan di dalam struktur modal tidak boleh dibenarkan sama sekali, lebih-lebih lagi apabila aliran tunai syarikat tidak mencukupi.
3. Pihak Lembaga Pengarah didapati gagal melaksanakan tanggungjawab dan menjaga kepentingan syarikat dan pemegang saham serta tidak mengambil tindakan sewajarnya atau proaktif dalam meneliti aktiviti pihak pengurusan dan aliran tunai hadapan syarikat. Kawal selia yang lebih rapi diperlukan oleh Lembaga Pengarah, termasuk mempersoalkan harga belian aset dan kos hutang.
4. Lembaga Penasihat perlu dimansuhkan, bersama Artikel 117 di dalam memorandum dan artikel syarikat. Segala rujukan kepada YAB Perdana Menteri perlu ditukar kepada Menteri Kewangan, selaras dengan peruntukan syarikat lain kepunyaan MKD.

5. Anak-anak syarikat dan aset milik kumpulan 1MDB (TRX, Bandar Malaysia, tanah Air Itam, tanah Pulau Indah) seharusnya diserahkan kepada MKD, supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti.

Apabila menyemak Laporan Akhir Jabatan Audit Negara dan menerima penjelasan 1MDB, secara rumusan PAC berpendapat bahawa terdapat kekangan dan kelemahan tertentu oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Secara khusus, PAC berpendapat bahawa mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi perlu mengambil tanggungjawab untuk kelemahan dan kekangan-kekangan tersebut.

Oleh itu, pihak agensi penguatkuasa diminta untuk membuat siasatan ke atas Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan lain-lain pengurusan yang berkaitan.